

# CREATE



Universiti  
Malaysia  
PAHANG  
Engineering • Technology • Creativity

Mei - Ogos 2010

*Untuk menjadi universiti pilihan pertama,  
bertaraf dunia dan berjenama*



## WIPO Best Women Inventor ITEX 2010




*Mahasiswa digesa bina  
kecemerlangan diri,  
tingkat kemahiran  
insaniah*



**UMP mampu menjadi  
universiti teknikal  
terkemuka seperti  
mana yang diimpikan**

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



*“Untuk Menjadi Universiti Pilihan Pertama,  
Bertaraf Dunia dan Berjenama”*

Universiti Malaysia Pahang (UMP)  
Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur  
Tel : (+069) 549 2501 Fax : (+069) 549 3199 e-Mail : [pro@ump.edu.my](mailto:pro@ump.edu.my)

[www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my)



# Sidang Editorial

## PENAUNG

Yang Hormat Profesor Dato' Dr.  
Daing Nasir Ibrahim  
[daing@ump.edu.my](mailto:daing@ump.edu.my)

## KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie  
[arahman@ump.edu.my](mailto:arahman@ump.edu.my)

## EDITOR (BAHASA MELAYU)

Safriza Baharuddin  
[safriza@ump.edu.my](mailto:safriza@ump.edu.my)

## EDITOR (BAHASA INGGERIS)

Nor Yazi Khamis  
[nyazi@ump.edu.my](mailto:nyazi@ump.edu.my)

## WARTAWAN/PENULIS

Arman A. Rahim  
[arman@ump.edu.my](mailto:arman@ump.edu.my)

Mohd. Raizalhilmly Mohd Rais  
[hilmly@ump.edu.my](mailto:hilmly@ump.edu.my)

Nuraklimah Roseli  
[aklimah@ump.edu.my](mailto:aklimah@ump.edu.my)

Siti Aishah Ghani  
[sitaiashah@ump.edu.my](mailto:sitaiashah@ump.edu.my)

Nadira Hana Ab Hamid  
[nadira@ump.edu.my](mailto:nadira@ump.edu.my)

Lily Azwati Ab. Latip  
[lily@ump.edu.my](mailto:lily@ump.edu.my)

Raihana Sulaiman  
[raihana@ump.edu.my](mailto:raihana@ump.edu.my)

Mimi Rabita Abdul Wahit  
[mimirabitah@ump.edu.my](mailto:mimirabitah@ump.edu.my)

Mohd. Rozmillah Othman  
[rozmillah@ump.edu.my](mailto:rozmillah@ump.edu.my)

Nor Salwana Mohammad Idris  
[salwana@ump.edu.my](mailto:salwana@ump.edu.my)

Buletin CREATE diterbitkan tiga kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin CREATE. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

## EDITOR

Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak  
26300 Gambang, Kuantan  
Pahang Darul Makmur

Tel. : 09-549 3184/3183  
Faks : 09-549 3199  
e-Mel : [create@ump.edu.my](mailto:create@ump.edu.my)



## PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah  
[azmanm@ump.edu.my](mailto:azmanm@ump.edu.my)

Noor Azhar Abd Rasid  
[noorazhar@ump.edu.my](mailto:noorazhar@ump.edu.my)

Mohd Zulkifly Hamzah  
[mohdzulkifly@ump.edu.my](mailto:mohdzulkifly@ump.edu.my)

## JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil  
[khairul@ump.edu.my](mailto:khairul@ump.edu.my)

## PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatul Azlin Abd Aziz  
[lin@ump.edu.my](mailto:lin@ump.edu.my)

Norhafizah Fadzillah  
[hafzahf@ump.edu.my](mailto:hafzahf@ump.edu.my)

## PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman  
[mahdi@ump.edu.my](mailto:mahdi@ump.edu.my)

## Dari Meja Ketua Editor

Sedar tak sedar rupa-rupanya kita sudah memasuki pertengahan tahun 2010. Kenangan silih berganti meninggalkan kita. Jika kenangan itu tidak dipotretkan, ia akan berlalu begitu sahaja. Maka, wajar kami rasakan setiap kenangan itu lebih elok diabadikan di dalam kolom rasmi ini. Sudah pasti apa yang terpahat akan lebih diingati.

Bercakap pasal kenangan, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, rasanya kenangan yang tidak dapat dilupakan ialah Program MINDS yang diadakan saban tahun bagi menyambut dan mengalu-alukan kedatangan bakal jurutera dan teknokrat yang baharu sahaja mendaftar untuk mengikuti ilmu teknikal di UMP.

Namun bezanya, Program MINDS pada tahun ini amat istimewa sekali apabila kami dikunjungi oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin yang berbesar hati merasmikan dan meraikan para pelajar baharu Sesi Akademik 2010/2011. Lebih mengujakan lagi, peningkatan pemberian subsidi pendidikan telah diumumkan sendiri oleh beliau dalam majlis yang mulia tersebut. Terima kasih daun keladi buat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, kedatangan Dato' Seri amat kami alu-alukan bak kata pepatah kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan sekalung ucapan tahniah dan syabas buat Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim kerana sekali lagi telah berjaya mengharumkan nama UMP di persada antarabangsa dengan memenangi anugerah khas *World Intellectual Property Organization (WIPO) Best Women Inventor* di ITEX'10, Kuala Lumpur baru-baru ini. Sesungguhnya, peranan penyelidik amat penting untuk membangun dan memantapkan keupayaan penyelidikan dan inovasi di IPT supaya mampu bersaing di peringkat global.

Sementara itu, tahniah juga kepada Naib Canselor, Profesor Dato' Daing Nasir Ibrahim yang telah dikurniakan tauliah Kapten Kehormat Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Di Raja Malaysia berkuatkuasa pada 1 Jun yang lalu.

Tidak lupa juga buat staf dan para pensyarah di atas penganugerahan kecemerlangan sepanjang berkhidmat di sini. Sesungguhnya Majlis Malam Anugerah Cendikia Bitara dan juga Anugerah Perkhidmatan Cemerlang adalah didedikasikan untuk anda semua.

Harapan saya agar semua staf UMP meneruskan komitmen dan meningkatkan momentum pergerakan supaya dapat mencipta sejarah baharu dan menjadikan kenangan tersebut sebagai batu loncatan menaikkan semangat warga UMP untuk terus berkhidmat demi UMP tercinta.

Semoga maju jaya semua. Terima kasih.

Abd Rahman Haji Safie



## 18 pelajar terima sumbangan bantuan tabung amanah zakat



Seramai 18 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terdiri di kalangan anak yatim dan pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang kurang berkemampuan menerima sumbangan bantuan tabung amanah zakat sempena kedatangan bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Sumbangan yang diterima daripada Pusat Kutipan Zakat Negeri Pahang itu diagihkan kepada pelajar yang layak menerima sumbangan dengan jumlah antara RM300 hingga RM500 seorang bagi menampung perbelanjaan pembelajaran di universiti.

Pengurniaan sumbangan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tuanku Canselor dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang berangkat hadir dalam Majlis Berbuka Puasa Bersama Tuanku Canselor di Dewan Astaka, UMP pada 18 Ogos 2010 yang lalu.

Hadir dalam majlis ini, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Dato' Mohd. Hilmey Mohd. Taib, Ahli LPU, Ahmad Rahimi Abdul Samad, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr.

Badhrulhisham Abd. Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan pengurusan tertinggi universiti.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sempena bulan Ramadan ini, UMP menganjurkan program berbuka puasa beramai-ramai (Iftar Jama'ie) yang mula dianjurkan sejak Ramadan tahun lalu.

Keunikan ini akan diteruskan sebagai suatu tradisi yang dikembangkan penganjurannya ke Kampus Pekan.

Katanya, seramai 648 pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik menginap di kampus tetap UMP di Pekan turut menikmati juadah berbuka puasa yang dijalankan secara bergotong-royong.

Menurutnya, sambutan yang diterima dari warga UMP sangat menggalakkan.

Selain itu, kesungguhan dan komitmen warga UMP yang prihatin dalam mengumpulkan dana Tabung Kebajikan Aktiviti Ramadan amat membanggakan sehingga mencapai RM90 ribu dalam menggerakkan aktiviti sepanjang Ramadan.

Tabungan ini hasil daripada tajaan orang perseorangan, badan-badan korporat dan sumbangan warga kerja UMP yang dibuat sejak awal tahun dengan kemudahan potongan gaji setiap bulan.

"Tradisi murni yang dibudayakan ini diharap akan lebih mengharmonikan warga universiti yang berbilang bangsa untuk memacu usaha ke arah kegemilangan universiti," ujarnya lagi.

Beliau berkata, dalam menyuburkan amalan ini, pihak pengurusan mengambil inisiatif memperbesarkan ruangan penyediaan makanan di Masjid UMP bagi menampung keperluan sajian kepada jemaah masjid.

Katanya, penganjuran program ini memberi kemudahan lebih 1,000 pelajar dalam menikmati juadah berbuka puasa percuma sepanjang Ramadan.

Seramai 400 tetamu terdiri di kalangan ketua jabatan, Majlis Perwakilan Pelajar dan pemimpin persatuan hadir membanjiri Dewan Astaka untuk tidak melepaskan peluang bermesra dan meraikan keberangkatan KDYTM Tengku Mahkota Pahang Tuanku Canselor ke majlis ini.

# UMP terima penghargaan Rangka Pelan Tindakan Strategik Biodiversiti-Bioteknologi Negeri Pahang



Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima penghargaan daripada Kerajaan Negeri Pahang dalam usaha merangka Pelan Tindakan Strategik Biodiversiti-Bioteknologi Negeri Pahang yang dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd. Yassin di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan pada 9 Ogos 2010 baru-baru ini.

Pelan Tindakan Strategik Biodiversiti-Bioteknologi Negeri Pahang merupakan garis panduan bagi sektor awam dan swasta untuk menyertai secara aktif industri bioteknologi yang sedang berkembang bagi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Negeri Pahang.

Sijil penghargaan disampaikan

oleh YAB Tan Sri Muhyiddin kepada Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Hadir menyaksikan majlis pelancaran, Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Haji Adnan Haji Yaakob dan Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Sains, Teknologi & Inovasi Negeri Pahang, YB. Dato' Haji Mohd Sharkar Haji Shamsudin.

Dalam majlis ini, UMP turut menerima sijil pengiktirafan makmal berstatus rakan BioNexus di Negeri Pahang.

Sijil penghargaan disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Biotechnology Corporation, Dato' Iskandar Mizal Mahmood.

Pengiktirafan ini merupakan suatu insentif daripada

Malaysian Biotechnology Corporation kepada universiti untuk menyediakan kemudahan penyelidikan, infrastruktur dan kapasiti terhadap produk dalam menjalankan penyelidikan di makmal UMP.

Secara tidak langsung, UMP akan dapat membantu industri kecil dan sederhana untuk menjalankan penyelidikan produk mereka di makmal UMP serta mengiktiraf makmal UMP sebagai antara yang terbaik di Pantai Timur.

Majlis turut menyaksikan acara pertukaran dokumen antara UMP yang diwakili oleh Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Kerajaan Negeri Pahang diwakili YB Dato' Haji Mohd Sharkar Haji Shamsudin

dalam menjalinkan hubungan kerjasama menjayakan Pelan Tindakan Strategik Biodiversiti-Bioteknologi di negeri ini.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Profesor Madya Dr. Jasni Mohamad Zain dan Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff.

Sementara itu, pelajar Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST), Siti Aisyah Mustapha dinobatkan sebagai Pemidato Terbaik dalam Pertandingan Pidato Bioteknologi Negeri Pahang bersempena majlis pelancaran ini.



# MB Pahang rasmi Cendekia Bitara

Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Adnan Haji Yaakob hadir meraikan staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang menunjukkan kecemerlangan dalam penyelidikan, akademik, pembangunan kualiti dan kreativiti sepanjang tahun 2009 bersempena Majlis Cendekia Bitara 2009 di Bukit Gambang Resort City (BGRS) pada 3 Mei 2010 yang lalu.

Majlis bertemakan 'Green Technology For A Sustainable World' yang merupakan penganjuran tahun kedua ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kecemerlangan dan keunggulan yang telah dipamerkan oleh warga UMP dalam menyuburkan budaya inovasi, kreativiti dan penyelidikan.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, universiti akan memastikan penyelidikan yang dijalankan di UMP mempunyai kualiti, memenuhi standard antarabangsa dan berpotensi untuk dikomersialkan.

"Pemeriksaan dalam bidang bioteknologi menyaksikan kejayaan UMP menerima 500 ribu ringgit sebagai ganjaran insentif dari Malaysia Biotechnology Corporation di bawah program Bionexus Partners meningkatkan

jalinan kerjasama antara UMP dan industri bioteknologi.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, bagi menggalakkan aktiviti penyelidikan, penubuhan makmal berpusat sedang giat dijalankan dengan peruntukan RM10 juta bagi pembelian peralatan dan kerja naik taraf makmal.

Dalam majlis tersebut YAB Dato' Sri Haji Adnan menyampaikan hadiah Anugerah Cendekia dan Anugerah Pensyarah Cemerlang.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd., Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim dan Bendahari, Zainuddin Othman.

Sementara itu, Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri, Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff merangkap Pengerusi Program menjelaskan, Malam Cendekia Bitara 2009 merupakan pengiktirafan penuh prestij terhadap karya penyelidikan, penerbitan, inovasi dan kreativiti yang mencerminkan keserjanaan terbilang yang tiada taranya.

Menjelaskan tentang maksud Cendekia Bitara, Naib Canselor berkata, "Cendekia" bermaksud seorang atau sekumpulan

cerdik pandai, ilmuan atau intelektual manakala "Bitara" pula bermaksud yang tiada tolok-banding atau tandangnya.

"Justeru, Anugerah Cendekia Bitara secara umumnya bermaksud anugerah untuk ilmuan yang tiada taranya atau tiada tandangnya.

Kata beliau lagi, menariknya majlis pada tahun ini, turut memberi penghargaan Anugerah Pensyarah Cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran.

"Anugerah ini bertujuan memberi ruang kepada para pensyarah dalam bidang kejuruteraan, sains gunaan dan sains sosial menunjukkan kebolehan melaksanakan pengajaran dengan berkesan" ujar beliau.

Penerima Anugerah Cendekia Bitara Kategori Penyelidikan produk adalah Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdul Bari dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan Zamzuri Hamedon daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dengan masing-masing membawa pulang wang tunai RM 19,000 berserta sijil.

Norashikin Mat Zain daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) pula membawa pulang RM 18,000 berserta sijil.

Manakala menurut Profesor



Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, terdapat tujuh kategori yang dipertandingkan bagi Anugerah Cendekia Bitara dan enam kategori bagi Hadiah Sanjungan.

"Tujuh kategori bagi Anugerah Cendekia Bitara adalah Anugerah Cendekia Bitara Kategori Tokoh, Penerbitan (Jurnal), Penerbitan (Buku), Produk Penyelidikan, Kreativiti, Kualiti, dan juga Paten.

"Manakala enam kategori bagi Hadiah Sanjungan pula adalah Hadiah Sanjungan Kategori Penerbitan (Jurnal), Penerbitan Buku (Buku), Produk Penyelidikan, Kreativiti, Kualiti dan juga Paten," katanya

Menariknya tahun ini turut dipertandingkan Anugerah Pensyarah Cemerlang yang dimenangi oleh Munira Abdul Razak daripada Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dalam kategori Sastera & Sains Sosial dan Profesor Madya Ir. Adnan Zulkiple dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dalam bidang Kejuruteraan.

Kedua-dua pemenang membawa pulang RM 5,000 setiap seorang berserta sijil penghargaan dan cenderamata.

Majlis turut menyaksikan pelancaran buletin universiti edisi bahasa Inggeris yang pertama diterbitkan dengan nama "Pekan Review" terbitan UMP.



## UMP terbit buletin bahasa Inggeris ketengahkan nama Pekan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) kini boleh berbangga dengan terbitan sulung buletinnya yang menggunakan medium bahasa Inggeris sepenuhnya yang dilancarkan di Bukit Gambang Resort City bersempena Anugerah Cendekia Bitara 2009 pada 3 Mei 2010 yang lalu.

Buletin Pekan Review terbitan Unit Penerbitan dan Grafik, Pejabat Naib Canselor UMP itu menengahkan pelbagai berita mengenai pencapaian dan kejayaan yang diraih oleh universiti di peringkat tempatan dan antarabangsa khususnya dalam bidang akademik, penyelidikan dan inovasi, jalinan kerjasama serta pengantarabangsaan untuk dikongsi bersama dengan pihak industri, masyarakat dalam dan luar negara.

Menurut Ketua Editor Pekan Review yang juga merangkap Timbalan Pendaftar Pejabat Naib Canselor, Abd Rahman Haji Safie, UMP telah menerbitkan buletin *Create* sejak enam tahun lalu yang menampilkan berita yang ditulis oleh staf di dalam bahasa Melayu.

"Buletin *Pekan Review* yang baharu dilancarkan ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Adnan Haji Yaakob ini sesecara tidak langsung akan mempromosikan

nama Pekan di khayalak umum.

"Kelangsungan menggunakan nama Pekan Review ini akan mampu memperkenalkan nama Pekan dan juga UMP di peringkat dunia apabila buletin ini akan turut diedar kepada pejabat kedutaan dan universiti luar negara.

"Ianya juga amat bertepatan dan sesuai apabila Pekan merupakan lokasi penempatan bagi kampus tetap UMP dan kini telah memulakan operasi sejak Julai tahun lalu dengan berpindahannya dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)," katanya.

Jelas beliau lagi, penerbitan buletin ini dilihat sebagai salah satu usaha mempelbagaikan sebaran maklumat untuk dikongsi bersama dan mengeratkan hubungan antara UMP dengan warganya serta sebagai rujukan pihak pemegang taruh dan agensi luar.

"Buletin yang diterbitkan dua kali setahun ini yang menampilkan bahan bacaan ringan bermaklumat dengan olahan yang agak menarik selain reka bentuk dan gambar-gambar yang lebih elit dan berprestij adalah disasarkan kepada pembaca di peringkat universiti, masyarakat setempat dan pihak industri dan juga masyarakat antarabangsa," katanya.





## UMP jalin kerjasama strategik Universiti Industri

“Universiti Malaysia Pahang (UMP) mendahului Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia yang menawarkan kursus kejuruteraan di peringkat sarjana muda dengan menggunakan model kurikulum Jerman,” kata Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, YB. Dato’ Seri Mohamed Khaled Nordin semasa merasmikan Forum Universiti Industri 2010 dengan tema bertajuk ‘*Managing Performance for Productive University-Industry Collaborations*’ di Hotel M.S. Garden Kuantan pada 27 Mei 2010 yang lalu.

“Persefahaman yang dimeterai antara UMP dengan Hochschule Karlsruhe Technik Und Wirtschaft (HsKA) Karlsruhe, University of Applied Science ini akan menjadi aspirasi kepada UMP untuk menjayakan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011 - 2015 yang bakal direncana kelak.

“Wujudnya hubungan kerjasama pihak UMP dengan HeiTech Padu Berhad dan IBM Malaysia juga akan menambah nilai dan meningkatkan bilangan graduan sains komputer dan kejuruteraan perisian tempatan yang berkemahiran dalam Sistem Z, sekaligus mengurangkan kebergantungan negara kepada teknokrat asing,” katanya.

Pihak Kementerian Pengajian Tinggi dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) turut menggariskan jalinan kerjasama universiti industri yang mapan dan berimpak tinggi.

Katanya, mana-mana universiti yang gagal mencapai KPI dan sasaran NKRA akan diminta memberi penjelasan kepada pihak kementerian dan mencari jalan untuk meningkatkan prestasi.

Beliau berkata, penganjuran forum ini tepat pada masa ini ketika laporan dalam

*World Competitiveness Yearbook 2010* yang diterbitkan oleh Institute for Management Development (IMD) baru-baru ini mengumumkan Malaysia sebagai 10 negara paling berdaya saing dengan menduduki tempat kesembilan berbanding tempat ke-18 tahun lalu.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP mengambil inisiatif untuk mencari dimensi baharu dalam menjalinkan hubungan antara universiti dan industri bagi memenuhi kehendak industri secara berkesan.

Katanya, forum ini merupakan wacana untuk mendapatkan sokongan dari industri dalam melaksanakan pengajaran yang mesra industri dan mencari peluang-peluang kolaborasi dengan Industri melalui aktiviti penyelidikan, konsultansi dan kursus jangka pendek.

Forum ini juga mencatat sejarah dengan mengumpulkan 350 pakar akademik dan industri bagi membincangkan perkembangan hala tuju hubungan antara universiti-industri di Malaysia.

Ahli panel forum terdiri daripada Datin Paduka Profesor Dr. Khatijah Mohd Yusoff, Timbalan Setiausaha (Sains), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Aminar Rashid Salleh, Pengarah Urusan, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (PERODUA) dan Dato’ Dr. Ir. Andy K.H.Seo, Naib Presiden, Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM).

Datuk Ir (Dr) Haji Ahmad Zaidee Laidin, Naib Presiden, Akademi Sains Malaysia pula mempengerusikan forum kedua bagi berkongsi kepakaran kejayaan dalam hubungan universiti industri di luar negara.

Ahli panel forum ini terdiri daripada Profesor Tan Sri Dato’ Dr. Mohamed Salleh

Mohamed Yassin, Pengarah United Nation University, Profesor Dr. Karl-Heinz Meisel, Presiden, Hochschule Karlsruhe Technik und Wirtschaft, University of Applied Science, Germany, Profesor Dr. Dharma deSilva, International Business & Management, Barton School of Business, Wichita State University dan Profesor Dr. Jei-Fu Shaw, Presiden, National Chung Hsing University, Taiwan.

Sementara itu, majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) juga menyaksikan UMP diwakili oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, manakala Pengarah Urusan, Ramanathan Sathiamutty mewakili IBM Malaysia dan HeiTech Padu Berhad diwakili oleh Naib Presiden Kanan Perkhidmatan Korporat HeiTech, Ahmad Abdul Ghani.

Menurut Ramanathan, kerjasama universiti industri ini akan menghasilkan pelajar yang kreatif dan kompetitif serta mengaplikasikan teknologi dalam memenuhi kehendak pasaran industri.

Pihak HeiTech pula akan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti perkhidmatan rangkaian, program latihan dan praktikal kepada para pensyarah dan pelajar, penglibatan pakar IT HeiTech sebagai pensyarah tamu di UMP serta penyediaan peluang pekerjaan di HeiTech kepada pelajar yang layak,” jelas Ahmad.

Dalam pada itu, pihak HsKA diwakili oleh Presidennya, Profesor Dr. Karl-Heinz Meisel dan German-Malaysian Institute (GMI) diwakili Pengarah Urusannya, Yusoff Mohd. Sahir.

Hadir sama ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato’ Mohd. Hilmey Mohd Taib dan Duta Besar Republik Federal Jerman, Dr. Guenter Gruber.





## Menteri Pengajian Tinggi adakan lawatan kerja ke UMP Pekan

Buat julung kalinya, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan lawatan rasmi Menteri Pengajian Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin ke kampus tetap Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kuala Pahang, Pekan baru-baru ini.

Kunjungan beliau itu disambut mesra Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan isteri serta Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib, ahli Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Rohani Abdullah, Pengarah Kerja UMP, Tuan Haji Rosdi Mohamed, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Profesor Dr. Rosli Abu Bakar, Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Ir. Zulkiflee Khalidin dan pegawai universiti.

Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim turut memberi taklimat ringkas mengenai status semasa dan kerja-kerja yang sedang dibangunkan di UMP Pekan yang berkeluasan 642 ekar itu.

Sehingga kini, seramai 2,480 pelajar dan 263 staf telah berpindah ke UMP Pekan mulai 27 Julai tahun lalu setelah pembangunan peringkat Fasa 1A terdiri daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) yang dilengkapi pejabat pentadbiran, makmal dan

pusat pengajaran dan pembelajaran siap dibina sepenuhnya.

Manakala, Fasa 1B masih dalam peringkat pembangunan dalam menyiapkan bangunan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Perpustakaan dan Kolej Kediaman Pelajar.

Dalam lawatan ini juga, YB Dato' Seri Mohamed Khaled turut berkesempatan memasuki bangunan asrama yang akan menempatkan seramai 648 pelajar dengan kemudahan yang disediakan sebanyak 326 bilik yang kini di peringkat akhir pembinaan.

Bangunan yang mempunyai tiga blok asrama empat tingkat ini dilengkapi kemudahan surau, rumah felo dan pejabat pengurusan asrama.

Pembinaan sebuah lagi Kolej Kediaman bagi menampung seramai 1,400 pelajar sedang dijalankan dan dijangka siap pada April tahun hadapan.

Sepanjang lawatan, Dato' Seri Mohamed Khaled melahirkan rasa puas hati dengan perkembangan semasa pembangunan kampus ini dan beliau berharap agar pembangunan dapat dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan bagi merealisasikan harapan seluruh warga kampus untuk mempunyai sebuah kampus tetap yang kondusif.



## PROFIL

**Nama** : Dato' Sri Abdul Aziz bin Abdul Rahman, SSAP, SIMP, DSAP, KMN.  
**Tarikh Lahir** : 11 Mac 1946  
**Tempat Lahir** : Pahang  
**Taraf Perkahwinan** : Berkahwin (Isteri – Datin Sri Dato' Zaliha Abdul Manaf)

**Pendidikan** : Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Tengah Temerloh, Sekolah Menengah Abu Bakar Temerloh, Maktab Tentera DiRaja, Ijazah Sarjana Muda Perdagangan, University of New South Wales, Sydney, Australia, ahli akauntan Bertauliah Malaysia, *The Malaysian Institute of Certified Public Accountants* dan *Malaysia Institute of Accountants*.

**Pengalaman Pekerjaan**: Timbalan Menteri Besar Pahang (ADUN Bera), Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Pertanian, Ahli Jawatankuasa Perancang, Pengerusi kepada Mentiga Corporation Berhad, Ahli Lembaga Felda dan Ahli Lembaga Pengarah *Malaysia Timber Industry Board* (MTIB), Pengarah Urusan Bank Rakyat, Timbalan Pengerusi Amanah Saham Pahang (ASPA), Timbalan Pengerusi Lembaga Kemajuan Negeri Pahang (LKNP), Senator (dua penggal), Presiden Kelab


Senator Malaysia, Konsultan Price Waterhouse & Co. (Sydney, Australia), Pengerusi Strarch International (Melbourne, Australia), Pengerusi Growth Resources NL (Perth, Australia), Pengurus Kewangan Malaysia Airlines, Pengarah Urusan Bank Rakyat, penyampai/perantara dalam rancangan Fastforward di RTM1, Pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Pengerusi Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB), ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN II), Ahli Majlis Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

**Jawatan Sekarang**: Pengerusi Eksekutif Alam Venture Sdn. Bhd., Ahli Lembaga Pengarah UMP, Pengarah Affin Bank Berhad, Pengerusi UMP Holdings Sdn. Bhd., Pemangku Yang di-Pertua Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK), Ahli Jawatankuasa Kewangan dan Pengurus Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Ahli Jumaah Pangkuan Negeri Pahang, Pengerusi *Riding for the Disabled Association Malaysia* (RDA), Timbalan Pengerusi IIUM Holdings Sdn. Bhd Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Ahli Majlis & Wakil Kerajaan Malaysia UIAM.

**Hobi**:Bermain golf, sukan polo dan menembak.

# UMP mampu menjadi universiti teknikal terkemuka seperti mana yang diimpikan

**-Dato' Sri Abdul Aziz**



**CREATE:** Terima kasih kepada Yang Hormat Dato' Sri kerana sudi ditemu ramah untuk keluaran Create pada kali ini. Bolehkan Yang Hormat Dato' Sri berkongsi dengan para pembaca Create bagaimanakah Yang Hormat Dato' Sri mengimbangkan tugas yang lain dengan tugas dan tanggungjawab di UMP?

**DATO' SRI:** Walaupun saya dibebani dengan pelbagai tugas, namun saya amat menyukainya. Saya masih mampu membahagikan masa saya antara pekerjaan harian dengan tugas sampingan yang lain. Universiti Malaysia Pahang (UMP) adalah salah satu badan yang dianggotai oleh saya dan sememangnya memerlukan pemerhatian saya juga. Saya cukup mengambil serius akan sesuatu hal. Maka di sini tiada masalah untuk saya memberi tumpuan pada sesuatu pekerjaan badan-badan mahupun persatuan yang saya anggotai. Kita harus pandai membahagikan masa dan tenaga kita supaya dapat memberi komitmen yang terbaik kepada setiap pekerjaan yang dilaksanakan. Selain dari menjadi salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UMP, saya juga turut dilantik sebagai Pengurus Persatuan Pemilik-pemilik Hotel Malaysia dan Pemangku Yang di-Pertua Majlis Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK).

Pada pendapat saya, setiap apa yang saya lakukan haruslah mempunyai niat yang baik supaya segala usaha yang kita lakukan akan membuahkan hasil. Contohnya, saya selaku Pemangku Presiden MUBARAK amat berharap agar kami mampu mendekati generasi muda dengan kepimpinan negara. Baru-baru ini kami telah melancarkan satu program

yang melibatkan hampir 100 warganegara Malaysia yang juga terdiri daripada pelajar UMP. Anak muda pada hari ini berada dalam zon yang cukup selesa sehingga terdapat segelintirnya tidak menghargai kemerdekaan negara. Saya amat berharap program ini dapat memberi pendedahan tentang sejarah negara kita untuk generasi pada hari ini dan masa depan.

**CREATE:** UMP merupakan antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang masih muda di negara ini, sejauh manakah Yang Hormat Dato' Sri mengenali UMP?

**DATO' SRI:** Pada pemerhatian saya, UMP sudah banyak berubah. UMP semakin bergerak dengan cepat setanding dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang sudah lama bertapak di negara kita. Pada awal kewujudan UMP, saya merasa amat berbangga dan berharap UMP dapat merealisasikan impian saya untuk menjadikan Pahang sebagai hab pengajian tinggi di Pantai Timur. Pada saya, perkara ini tidak mustahil. Seperti yang kita sedia maklum, UMP merupakan satu-satunya universiti berteraskan teknologi dan kejuruteraan. Usaha untuk menjadikan Pahang sebagai koridor pendidikan di Pantai Timur hampir dapat direalisasikan, tambahan pula terdapat pelbagai industri utama bertapak di sekitar Pahang seperti di Gebeng, Pekan, Gambang dan lain-lain lagi.

Dalam pengamatan saya juga, penyelidikan UMP juga semakin pesat membangun dan saban tahun diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Bagi meneruskan mandiri UMP, penyelidikan yang berasaskan herbal,

bioteknologi dan sebagainya sangat berkaitan dengan perindustrian di Pahang secara tidak langsung dapat kita mengkomersialkan produk penyelidikan ini yang bukan sahaja dapat menaikkan nama UMP malah dapat menjana kepada pendapatan universiti. *I'm proud of it.*

Lebih membanggakan lagi, menerusi kepimpinan Naib Canselor sekarang, UMP sangat menyerlah di peringkat antarabangsa. Naib Canselor mempunyai pemikiran yang jauh ke depan dan berkomitmen tinggi menjana UMP bukan sahaja dalam rantau Asia malahan di seluruh dunia. Pengantarabangsaan UMP melalui memorandum persefahaman dan perjanjian telah memberi ruang kepada kita untuk berkongsi dalam bidang kejuruteraan yang semakin maju dan pesat membangun. Perjanjian yang dimeterai membawa kepada kerjasama untuk mendapatkan kepakaran tentang teknologi tinggi yang semakin pesat membangun di negara-negara maju lain seperti Jerman, Korea, Jepun dan sebagainya.

Satu perkara lagi yang membanggakan saya sebagai salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan amat jelas mengenali UMP berbanding orang di luar sana ialah UMP sudah mempunyai tapaknya sendiri untuk kukuh berdiri. Kampus UMP di Pekan merupakan lambang kebanggaan yang mampu kita miliki dan aset berharga dalam merealisasikan impian menjadikan Pahang sebagai koridor pendidikan Pantai Timur. Secara tidak langsung, aset ini menjadi sebahagian daripada pengumpulan hartanah oleh UMP Holdings Sdn. Bhd. dan menjana pendapatan sendiri.

**CREATE:** *Sepanjang tempoh menjadi Ahli Lembaga Pengarah Universiti, apakah pencapaian UMP yang amat membanggakan Yang Hormat Dato' Sri?*

**DATO' SRI:** Perkara yang paling membanggakan saya ialah *stakeholders* UMP sendiri iaitu para pelajarnya. Pencapaian para pelajar saban hari semakin menyerlah dan amat membanggakan sama ada dari segi akademik mahupun aktiviti luar bilik kuliah. Pemilihan para pelajar yang berkualiti turut menyumbang kepada penghasilan statistik graduan UMP yang berkualiti. Buktinya, saban tahun majoriti graduan UMP yang akan dipilih memenuhi alam pekerjaan sama ada dalam sektor awam mahupun swasta semakin meningkat. Tidak ketinggalan juga terdapat sebilangan graduan UMP yang dipilih untuk bekerja di luar negara. Saya percaya, kepakaran dan pendidikan yang mereka terima sewaktu menuntut di UMP telah memberi manfaat kepada mereka kerana UMP sendiri telah mewujudkan pembelajaran secara teknikal supaya para pelajar dapat menyesuaikan diri apabila sudah menempuh alam pekerjaan kelak.

Selain itu, bahasa Inggeris digunakan sebagai medium perantaraan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di UMP. Pendekatan penguasaan bahasa Inggeris khususnya dan bahasa-bahasa lain amnya memberi nilai tambah kepada para pelajar untuk menguasai pembelajaran secara efektif. Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) diwujudkan dengan harapan dapat membantu para pelajar menguasai bahasa

asing selain bahasa Inggeris dengan harapan proses P&P dapat dijalankan dengan lancar dan segala maklumat dapat disampaikan dengan tepat. Teknologi di negara Barat dan Asia begitu pesat membangun. UMP memberi peluang kepada para pelajar untuk menguasai salah satu bahasa dari negara berteknologi tinggi seperti Jerman, Korea, Jepun, China dan sebagainya. Penguasaan bahasa ini memberi kelebihan kepada para pelajar UMP agar tidak ketinggalan mengikuti arus perdana teknologi yang semakin berkembang pesat saban tahun. Kekangan dari segi bahasa inilah yang cuba dibendung oleh UMP agar ia tidak membantut pergerakan para pelajar menguasai ilmu kejuruteraan dan teknologi yang semakin mencabar ini.

**CREATE:** *Sejauh manakah peranan Yang Hormat Dato' Sri sebagai salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti dalam memastikan hala tuju UMP ke arah universiti teknikal utama di Malaysia dan bagi memastikan UMP menjadi universiti yang terkemuka pada suatu hari nanti?*

**DATO' SRI:** Peranan sebagai salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti bukan satu tugas yang boleh dipandang enteng. Setiap apa yang dilakukan dan setiap keputusan yang perlu dibuat harus dihubungkan dengan garis panduan serta hala tuju Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dan dimurnikan dengan visi serta misi UMP sendiri. Ahli Lembaga Pengarah perlu mengawasi keseluruhan perjalanan UMP supaya ia selari dengan misi KPT.

Dalam kes ini, Ahli Lembaga Pengarah tidak boleh bekerja sendiri. Tanpa bantuan dan kerjasama daripada Pengurusan Universiti mana mungkin kami dapat bergerak seiring. LPU dan Pengurusan Universiti harus bekerjasama dan merangka satu strategi yang utuh dan berkesan dalam mentadbir urusan UMP ke arah Universiti teknikal utama di Malaysia. Saya sedar bahawa selama ini Pengurusan Universiti begitu komited menjalankan tugas mereka dan melaporkan segala tindakan mereka kepada LPU. Dengan cara ini, LPU dapat memantau bagaimana UMP ditadbir urus dan mencari penyelesaian kepada segala permasalahan yang dibangkitkan.

**CREATE:** *Bolehkah Yang Hormat Dato' Sri berkongsi sedikit dengan para pembaca Create tentang pengalaman dan cabaran Yang Hormat Dato' Sri tempoh sepanjang menjadi ahli Lembaga Pengarah UMP sejak tahun 2006 dalam usaha untuk memelihara imej dan memartabatkan UMP di mata dunia?*

**DATO' SRI:** Hampir lima tahun saya menjadi ahli LPU, begitu mendewasakan saya dengan segala macam permasalahan dan karehna yang boleh mengganggu gugat perjalanan UMP ke arah menjadi sebuah universiti teknikal terkemuka. Pertama sekali, cabaran yang paling berat dalam sesebuah organisasi ialah jurang pemisah antara peringkat bawahan dan atasan. Sebagai ahli LPU, adalah amat mustahil bagi kami untuk terus berhubung dengan peringkat pentadbiran. Maka di sinilah fungsi Pengurusan Universiti untuk

***“Pengantarabangsaan UMP melalui memorandum persefahaman dan perjanjian telah memberi ruang kepada kita untuk berkongsi dalam bidang kejuruteraan yang semakin maju dan pesat membangun. Perjanjian yang dimeterai membawa kepada kerjasama untuk mendapatkan kepakaran tentang teknologi tinggi yang semakin pesat membangun di negara-negara maju lain seperti Jerman, Korea, Jepun dan sebagainya.”***



merapatkan jurang yang terpisah ini, agar dapat mewakili bahagian pentadbiran atau staf dan mengemukakan permasalahan yang dihadapi oleh mereka dan dapat dibincangkan bersama-sama ahli LPU dalam satu pertemuan.

Cabaran yang seterusnya ialah menghasilkan para pelajar yang cemerlang. Para pelajar bukan sahaja cemerlang dari segi akademik malahan dari segi kepimpinan juga harus berkualiti agar dapat menjadi seorang pemimpin yang berwibawa kelak. Pihak pengurusan harus memikirkan cara untuk menarik minat pelajar melibatkan diri dalam bidang kokurikulum supaya dapat mengasah bakat dan potensi diri mereka dan tidak menumpukan perhatian pada bidang akademik semata-mata. Para tenaga pengajar juga harus kreatif menyampaikan maklumat dalam proses pembelajaran supaya apa yang ingin disampaikan dapat diterima dan difahami oleh para pelajar.

**CREATE: Dalam memastikan UMP duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan IPT dalam dan luar negara, UMP sudah tentu memerlukan ciri-ciri tertentu untuk**

**menggapai hasrat berkenaan. Bolehkah Yang Hormat Dato' Sri menghuraikan secara ringkas ciri-ciri utama yang perlu ada di UMP untuk UMP terus berada di landasan yang betul untuk menjadi universiti pilihan pertama, bertaraf dunia dan berjenama.**

**DATO' SRI:** Institusi pendidikan di Malaysia semakin berkembang pesat saban tahun. Keadaan ini memberi persaingan sihat dalam menyumbangkan ilmu kepada generasi muda di Malaysia. UMP juga tidak ketinggalan dalam menghadapi persaingan ini dan harus membina identiti dan karismatik yang utuh supaya dapat berdiri sama tinggi dengan universiti lama lain. Salah satu ciri utama yang memberi kekuatan kepada UMP ialah universiti pertama di Malaysia yang memberi tumpuan kepada bidang teknikal dan teknologi untuk masa depan. Nilai falsafah inilah yang membawa perbezaan yang ketara antara universiti lain. Penjenamaan UMP harus sama dengan persekitarannya yang sememangnya Pahang amat dikenali sebagai kawasan perindustrian Pantai Timur. Kita harus memanipulasikan kelebihan yang ada di sekeliling kita untuk

membentuk kekuatan tersendiri. Contohnya, UMP dikelilingi oleh alam semula jadi. Keadaan ini memberi kelebihan untuk menjalankan penyelidikan bioteknologi yang merupakan salah satu bidang utama dan berpotensi mengkomersialkan penyelidikan tersebut.

**CREATE: Akhir kata, apakah harapan dan hasrat Yang Hormat Dato' Sri sebagai sebahagian daripada penggerak utama UMP untuk melihat UMP menjadi universiti teknikal bertaraf dunia?**

**DATO' SRI:** Begitu besar harapan saya agar UMP mampu menjadi universiti teknikal terkemuka seperti mana yang diimpikan. Saya harap UMP dapat teruskan mencari platform yang tersendiri dan berdaya saing supaya sentiasa bergerak ke hadapan pada masa akan datang. Hubungan yang terjalin antara UMP dengan universiti terkemuka seperti universiti dari Jerman, Korea, Jepun dan Amerika dapat dikekalkan dan diperkukuhkan lagi supaya kita tidak ketinggalan ke belakang dalam mengejar arus perubahan teknologi.

**UMP juga tidak ketinggalan dalam menghadapi persaingan ini dan harus membina identiti dan karismatik yang utuh supaya dapat berdiri sama tinggi dengan universiti lama lain.**



## Mahasiswa digesa bina kecemerlangan diri, tingkat kemahiran insaniah

Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, menggesa 40,366 pelajar yang telah berjaya mendapat penempatan bagi meneruskan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh Malaysia membina kecemerlangan diri membentuk barisan graduan yang berupaya berperanan sebagai *global player* yang mampu meneroka alam kerjaya yang amat kompetitif.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Minggu Induksi Siswa 2010 (MINDS) di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di hadapan seramai 1,674 pelajar yang mendaftar sebagai pelajar UMP pada 4 Julai 2010 yang lalu.

Katanya, pihak kementerian sendiri menekankan elemen *soft skills* atau Kemahiran Insaniah sebagai salah satu komponen utama dalam kurikulum pengajian di IPT tempatan.

Komponen ini adalah bersifat komplementari kepada teori dan *hard skills* yang dipelajari, sekaligus membentuk para mahasiswa sebagai individu yang seimbang dan holistik.

Menurutnya, setiap tahun kerajaan membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar untuk memastikan golongan muda di negara ini mendapat pendidikan tinggi.

"Kerajaan menyediakan subsidi yuran pengajian secara purata sebanyak RM85,000 bagi setiap pelajar yang melanjutkan pengajian ke IPT setiap tahun.

"Ini berdasarkan peruntukan sebanyak RM8.5 bilion yang disediakan dalam bentuk subsidi yuran pengajian membabitkan kira-kira 100,000 pelajar di dalam dan luar negara

tahun lalu.

Jelas beliau lagi, keputusan kerajaan ini dibuat dengan mengambil kira kos sara hidup yang semakin meningkat pada ketika ini dan sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan meringankan beban pelajar dan ibu bapa.

Sebagai contoh, katanya, bagi pengajian kejuruteraan, kos sebenar pengajian selama empat tahun adalah sebanyak RM105,404 dengan kerajaan membayar RM94,644, manakala pelajar hanya membayar RM10,760.

"Ini menunjukkan kerajaan memberi subsidi sebanyak 90 peratus dengan mengambil kira pelbagai faktor, termasuk tanggungan pelajar dan ibu bapa.

"Selain itu, kerajaan juga telah menyediakan pelbagai biasiswa dan juga pinjaman pelajaran yang disediakan melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Baru-baru kementerian mengumumkan bahawa kerajaan telah bersetuju untuk meningkatkan jumlah pendapatan ibu bapa pelajar yang memohon pinjaman penuh PTPTN dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM4,000," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP menawarkan seramai 2,570 untuk mengikuti pengajian di UMP. Daripada jumlah itu, seramai 2,270 pelajar ditawarkan mengikuti program di peringkat sarjana muda, manakala 300 lagi bagi program diploma.

Menurutnya, penganjuran MINDS memberi peluang kepada mahasiswa untuk menyesuaikan diri melalui interaksi dengan rakan dan bimbingan fasilitator yang terdiri

di kalangan pelajar kanan yang berwibawa.

"Iklim pembelajaran dan suasana hidup kampus menuntut kelasakan minda dan ketahanan fizikal untuk menjadi lebih proaktif dan kompetitif.

Sesi pengajian kali ini menyaksikan UMP buat kali keduanya menerima seramai 29 orang pelajar antarabangsa yang terdiri daripada pelajar warga negara Iraq, Yamen, Somalia, Sudan dan China.

UMP juga buat pertama kalinya menerima sepuluh pelajar baharu yang akan mengikuti program Dwi Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dari UMP dan Bachelor of Mechatronic Engineering dari Hochschule Karlsruhe Und Wirtschaft (Hska), Jerman.

"Ini merupakan hasil dari hubungan dan kerjasama strategik antara pihak UMP dengan pihak Hska yang telah menandatangani memorandum persefahaman sempena Forum Universiti-Industri 2010 baru-baru ini," katanya.

Hadir sama dalam majlis perasmian Ahli Lembaga Pengarah UMP, Khodijah Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abd. Aziz, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim.

Turut hadir, Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Profesor Dr. Yuserrrie Zainudin, Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMP, Mohd Aedlan Nur Ahmad dan Timbalan Yang di-Pertua MPP merangkap Pengarah Minggu Induksi Siswa 2010, Nor Hafizah Abdul Razak.



## Naib Canselor terima pengurniaan tauliah Kepten Kehormat PSSTLDM

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dikurniakan tauliah Kepten Kehormat Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Di Raja Malaysia (PSSTLDM) berkuat kuasa 1 Jun 2010.

Dengan pengurniaan ini, beliau dilantik sebagai Komandan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) UMP yang baharu ditubuhkan pada tahun ini.

Dalam Majlis Pemakaian Pangkat ini juga, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir turut menerima skrol Piagam Kehormat PSSTLDM yang disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, Tan Sri Abdul Aziz Jaafar di Markas Tentera Laut Kementerian Pertahanan Malaysia.

Majlis yang diadakan bersama pemakaian pangkat Pegawai-Pegawai Kanan Tetap TLDM ini dapat memberi kesempatan kepada pengurusan UMP untuk bertemu dan membina hubungan baik antara UMP dengan pihak TLDM.

Menurut Tan Sri Abdul Aziz, penglibatan mahasiswa dalam pasukan pegawai simpanan akan melatih bakal graduan menjadi pemimpin yang mempunyai disiplin yang tinggi bagi mencorak pimpinan masa depan.

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, dengan penubuhan pasukan Palapes Laut ini, UMP akan dapat mempelbagaikan pasukan badan beruniform serta memberi peluang kepada mahasiswa menabur khidmat bakti untuk Negara dengan menyertai pasukan latihan pegawai simpanan.

Pada masa ini, UMP mempunyai pasukan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) dan Siswa Perkhidmatan Awam (SISPA).

Katanya, pelantikan ini akan menjadi pencetus dan peneraju perkembangan penubuhan Palapes dalam perkhidmatan Tentera Udara dan Tentera Darat pada masa akan datang di UMP.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abd. Aziz, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Bendahari, Zainuddin Othman dan Penolong Naib Canselor Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.

Lebih 100 pegawai TLDM termasuk barisan Laksamana dan pegawai tertinggi TLDM hadir meraikan majlis pentauliahan ini.





Gagasan 1Malaysia yang dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato` Sri Mohd. Najib Tun Razak menjadi sebahagian intipati syarahan sulung Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato. Dr. Daing Nasir Ibrahim sebagai Profesor Tamu Universiti Hebei (HEBU) pada 8 Jun 2010 yang lalu di Baoding, Hebei Province, China.

Kunjungan Profesor Dato` Dr. Daing Nasir dan delegasi dari UMP yang terdiri daripada Pengarah Pejabat Antarabangsa, Dr. Wan Norlidah Al-Qadri dan Penolong Pendaftar (Dasar), Pejabat Naib Canselor, Wan Nazrul Helmy Mohd. Zain telah disambut mesra oleh Presiden HEBU, Profesor Dr. Wang Hongrui.

Menurut Profesor Dato` Dr. Daing Nasir dalam syarahannya, kita perlu menekankan kepentingan konsep 1Malaysia dalam konteks kemajmukan etnik dan agama di Malaysia bagi mengekalkan kestabilan politik dan hubungan antara kaum.

"Keadaan ini tidak jauh berbeza dengan Republik Rakyat China yang dihuni puluhan kumpulan etnik dan kaum minoriti yang membentuk 1.3 bilion populasi negara ini," katanya di hadapan lebih 150 orang

mahasiswa HEBU yang menghadiri program syarahan tersebut.

Selain itu, beliau turut menyentuh aspek-aspek penting dalam tadbir urus korporat yang cekap dan berkesan untuk membentuk organisasi dan institusi yang mapan dan kompetitif.

Dalam lawatan tersebut juga, Dato` Dr. Daing Nasir dan Dr. Wang Hongrui telah mencapai kata sepakat untuk memantapkan lagi hubungan dua hala yang telah sedia terjalin antara UMP dan HEBU.

HEBU merupakan antara 75 universiti terbaik daripada 2,300 universiti seluruh China dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi.

Antara inti pati lain yang dibincangkan termasuklah pertukaran pelajar, sangkutan jangka pendek staf akademik, penyelidikan dan penyeliaan bersama serta pengembangan pengajaran bahasa Mandarin.

Pada akhir kunjungan, delegasi UMP telah dibawa meninjau Makmal Utama Kimia Perubatan dan Diagnosis Molekular HEBU iaitu satu-satunya makmal sedemikian di Republik Rakyat China dan merupakan pusat rujukan bagi penyelidikan dalam bidang ini bagi seluruh negara tersebut.

## NC sampaikan syarahan sulung sebagai Profesor Tamu Universiti Hebei







Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Kedutaan Jerman di Kuala Lumpur memperkukuh jaringan pengantarabangsa dengan penganjuran program *German Day @ UMP* dengan lebih 2,000 pelajar hadir menjayakan program yang julung kalinya diadakan pada 15 Julai 2010 baru-baru ini.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, penganjuran program dengan kerjasama pihak kedutaan ini sebagai usaha membina jaringan yang sedia terjalin dengan memberi peluang pelajar UMP lebih mengenali syarikat dan organisasi Jerman yang beroperasi di Malaysia.

Selain itu, pelajar berpeluang menjalankan penyelidikan, melanjutkan pengajian dalam bidang pascasiswazah di Jerman serta menjalani latihan industri di syarikat utama dalam dan luar negara.

"Pelajar yang berminat bekerja di luar negara turut berpeluang mendapatkan informasi sepanjang penganjuran program sehari ini di perkarangan Blok W di UMP Kampus Gambang.

UMP telah menjalinkan hubungan kerjasama strategik dengan menandatangani memorandum persefahaman dengan pihak Hochschule Karlsruhe Und Wirtschaft (HSKA) sempena Forum Universiti-Industri 2010

baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata, pada masa ini, UMP mempunyai sepuluh pelajar baharu yang sedang mengikuti program Dwi Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dari UMP dan Bachelor of Mechatronic Engineering dari Hochschule Karlsruhe Und Wirtschaft (HSKA), Jerman.

Sementara itu, Duta Besar Jerman di Malaysia, Dr. Gunter Gruber berkata, selain mengenali negara Jerman yang mempunyai tarikan pelancungan, program ini mendekatkan pelajar kepada budaya dan bahasa Jerman serta pelajar boleh mendapatkan maklumat terus daripada syarikat yang mengambil bahagian dalam program ini.

Antara syarikat yang mengambil bahagian dalam program sehari ini ialah Q-Cells, Elektrisola, BASF-Petronas, Mercedes, Siemens dan DAAD (*German Academic Exchange Service*).

Pelajar turut berpeluang memenangi hadiah dan cabutan bertuah dalam pelbagai aktiviti yang diadakan sepanjang program berlangsung.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Pengarah Pejabat Antarabangsa, Dr. Wan Norlidah Al-Qadri dan delegasi dari pejabat Kedutaan Jerman di Malaysia.

# 2,000

## pelajar membanjiri Hari Terbuka Jerman di UMP





## Penerapan pengalaman sebenar PM Ir. Adnan tarik minat pelajar

Fokus dalam menyampaikan ilmu dan penerapan pengalaman sebenar (*real experience*) merupakan pendekatan yang digunakan oleh pemenang Anugerah Pensyarah Cemerlang 2009, Profesor Madya Ir. Adnan Zulkiple daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Melalui pendekatan tersebut, secara tidak langsung ianya dapat menarik minat pelajar untuk mengikuti setiap ilmu yang disampaikan oleh beliau dan mengingatkan pelajar agar sentiasa membuat persediaan selepas tamat pengajian untuk meneruskan kehidupan.

Hakikatnya, pengalaman dalam dunia sebenar adalah lebih mencabar dan menuntut setiap pelajar meningkatkan pengetahuan, kemahiran teknikal (*psychomotor*) dan kemahiran insaniah (*soft skills*) dalam menggapai segulung ijazah selepas empat tahun pengajian.

Berdasarkan pengalaman yang diperoleh oleh beliau sendiri

dalam mengharungi cabaran hidup, pengalaman belajar di luar negara telah membuka matanya untuk belajar dengan lebih gigih lagi sehinggakan beliau telah terpilih sebagai salah seorang pemegang *Japan Mombusho Scholarship* iaitu biasiswa yang ditawarkan oleh Kerajaan Jepun untuk pengajian di peringkat sarjana di pertengahan tahun 80-an.

Berkongsi mengenai pengalaman beliau sehingga dinobatkan sebagai pemenang sulung bagi kategori kejuruteraan, beliau melihat bahawa pelaksanaan pengajaran secara inovasi dan kreativiti sukar dicapai kecuali semua pihak memahami kekangan yang berlaku.

Katanya, ini termasuklah dari segi dasar dan pelaksanaan serta ianya menuntut agar semua pihak berfikir di luar kotak dan secara beransur-ansur pembudayaan inovasi dan kreativiti dapat dijalankan.

“Sebagai contoh, pendekatan kerja secara berkumpul di

dalam kelas dengan pendekatan *open-ended* membolehkan pelajar memahami teknik-teknik yang boleh digunakan untuk meningkatkan keupayaan pelajar itu sendiri berbanding jika mereka melaksanakan kerja dan tugas secara bersendirian.

“Secara tidak langsung, ianya akan dapat meningkatkan daya kreativiti dalam menghasilkan sesuatu ke arah yang lebih inovatif. Malahan penerapan budaya inovasi dan kreativiti dalam pengajaran juga harus disokong melalui kemudahan fasiliti yang baik termasuk kemudahan internet jalur lebar seperti yang terdapat di *Multimedia Super Corridor* (MSC),” ujar beliau.

Manakala dari aspek kualiti pengajaran dan pembelajaran, beliau berpendapat bahawa konsep pengajaran berbentuk *Student Centered Learning* (SCL) berkonsepkan *effective learning* adalah lebih efektif di mana boleh mewujudkan partisipasi hampir 90 pelajar.

Jelas beliau, pelajar boleh memberikan pandangan, menceritakan pengalaman dan secara tidak langsung ianya memberi respon yang mendalam serta dapat mencetuskan pemikiran yang kritikal.

“Dalam suatu tempoh, pelajar akan mengetahui sebab sesuatu (*reasoning*) dan mempunyai pilihan dalam membuat keputusan (*decision*

*making*). Pelaksanaan ini boleh dicapai melalui pengalaman dan kefahaman pensyarah tersebut melalui pendekatan *Outcomed Based Education* (OBE) yang secara tidak langsung boleh meningkatkan keterampilan pelajar yang menjadi pilihan majikan.

“Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan agar setiap pensyarah perlu mendapat latihan yang mencukupi untuk menambah pengalaman dan pengetahuan mengenai konsep OBE dan secara semula jadi inovasi pembelajaran dapat tercetus.

Secara prinsipnya, ianya mampu untuk menjana pensyarah menjadi lebih berkualiti dan mampu membentuk pelajar ke arah pencapaian yang cemerlang dalam bidang yang diceburinya,” katanya ketika mengakhiri perbualan.

“.....**pengalaman dalam dunia sebenar adalah lebih mencabar dan menuntut setiap pelajar meningkatkan pengetahuan, kemahiran teknikal (*psychomotor*) dan kemahiran insaniah (*soft skills*) dalam menggapai segulung ijazah selepas empat tahun pengajian.**”



## Peningkatan profesionalisme staf akademik mampu melahirkan pensyarah berkualiti

Oleh: SARINAH SHAARI

Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC), Universiti Malaysia Pahang (UMP) sentiasa merangka untuk melaksanakan kursus-kursus pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai inovasi dalam pengajaran serta meningkatkan tahap profesionalisme staf akademik.

Ianya bagi merealisasikan hasrat universiti dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja bijak di dalam bidangnya tetapi kritikal dalam pemikiran, bestari menerusi tindakan serta mampu membangunkan negara berbekalkan jati diri yang tinggi.

Justeru, baru-baru ini CAIC telah menganjurkan beberapa kursus dan bengkel yang bertujuan untuk meningkatkan tahap profesionalisme staf akademik. Sebagai permulaan, Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran telah dilaksanakan pada 3 hingga 6 Mei 2010 yang lalu. Kursus ini adalah sebagai langkah pendedahan awal kepada pensyarah baharu di samping ia merupakan kursus wajib yang perlu dihadiri.

Pengalaman 36 peserta mengikuti

kursus ini amat bernilai kerana di samping pendedahan mengenai pengajaran dan pembelajaran ia juga dapat meningkatkan kemahiran dan teknik asas pengajaran yang merangkumi penyediaan perancangan, pembelajaran berkonsepkan pendidikan berasaskan hasil (OBE), *student centered learning* (SCL), pedagogi dan pengurusan portfolio, e-Pembelajaran dan lain-lain lagi.

Pengalaman yang dikongsi bersama dengan para penceramah yang terdiri daripada ahli akademik senior di universiti ini telah membangkitkan rasa ingin tahu yang amat mendalam di kalangan staf akademik yang terlibat.

Selain itu, peserta kali ini juga berpeluang menimba ilmu dan pengalaman bersama dengan pemenang Anugerah Pensyarah Cemerlang UMP 2009 (kategori Kejuruteraan) iaitu Profesor Madya Ir. Adnan Zulkepli daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA). Pengetahuan beliau terhadap konsep OBE dan penglibatan aktif beliau dalam proses akreditasi dan jaminan kualiti akademik telah membuka minda kebanyakan peserta yang hadir.

Dalam pada itu, pada kali ini CAIC juga turut menganjurkan bengkel Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Bengkel itu yang melibatkan para ahli akademik daripada semua fakulti dan dikendalikan oleh dua orang fasilitator yang cukup berpengalaman dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran iaitu Profesor Dr. Abdullah Hassan dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Profesor Madya Dr. Fakhruddin dari Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Para peserta telah diberi pendedahan mengenai kreativiti dan inovasi yang boleh dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran di samping pendedahan berkenaan kaedah penyelesaian masalah secara inovatif, mewujudkan pelajar yang berinovasi dan kaedah untuk menjadi seorang pendidik yang kreatif dan inovatif.

Secara keseluruhan, program ini amat baik dan berkesan kerana ianya dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran di UMP lebih menarik dan mampu untuk meningkatkan minat para pelajar untuk mengikuti pengajian.

# Pemeriksaan kualiti akademik ke arah lebih inovatif, kreatif dan berdaya saing

Oleh: NORUL FADILAH ABDULLAH



Universiti Malaysia Pahang (UMP) sentiasa komited dalam menyediakan program pendidikan peringkat tinggi yang berkualiti, inovatif dan relevan dengan keperluan dan dasar pembangunan negara. Lantaran itu, semua program yang ditawarkan seharusnya yang terbaik dan mempunyai ciri-ciri inovasi dan daya saing yang tinggi. Sejalan dengan itu juga, maka kurikulum yang dibentuk perlulah relevan, terkini, inovatif dan kreatif selaras dengan perkembangan dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abd. Aziz, kualiti akademik boleh diukur melalui beberapa sumber iaitu kualiti terhadap kurikulum, pensyarah dan graduan yang dikeluarkan pada setiap kali konvokesyen.

“Namun begitu, aspek pemeriksaan kualiti terhadap kurikulum perlu diberi penekanan bagi memastikan program yang ditawarkan sentiasa relevan dengan keperluan negara dan juga perkembangan semasa.

“Berdasarkan perkembangan semasa, program kejuruteraan di Malaysia telah mencapai penanda aras antarabangsa berikutan Lembaga Jurutera Malaysia telah mendapat status penandatanganan penuh *Washington Accord* bagi sistem pendidikan kejuruteraan di negara ini.

“Dengan pencapaian ini, bidang kejuruteraan di universiti ini yang diakreditasi oleh Lembaga Jurutera Malaysia kini diiktiraf sepenuhnya oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Jepun dan Kanada,” katanya.

Tambah beliau lagi, kurikulum kursus perlu disemak semula bagi setiap jangka waktu kitaran yang ditetapkan mengikut tempoh lazim pengajian sesuatu kursus.

“Antara perkara yang perlu diberi penekanan adalah perubahan kurikulum

yang melibatkan penambahan elemen Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI).

“Hasil Pembelajaran tersebut (*Overall Outcome*) mestilah menyatakan keupayaan khusus (*competencies*) yang akan ditunjukkan oleh pelajar di akhir program seperti penguasaan pengetahuan dalam pelbagai bidang termasuk Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT), daya intelek, dari segi menyelesaikan masalah, membuat keputusan secara kreatif, keterampilan, praktikal, kebolehan berkomunikasi, berfikir secara kritikal, sikap dan akhlak sebagai warganegara yang bertanggungjawab serta keupayaan meningkatkan kebolehan diri.

“Selain itu, ianya juga perlu menunjukkan kaitan antara keupayaan pada akhir program dengan keupayaan yang akan diperoleh dalam alam pekerjaan. Tiga hasil pembelajaran utama diperlukan bagi setiap kursus merangkumi aspek Kognitif (6 skala), Psikomotor (7 skala), dan Afektif (5 skala),” katanya.

Bagi memastikan proses semakan kurikulum tersebut mencapai standard yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik (CAIC) telah mengadakan beberapa siri bengkel dan mesyuarat sejak awal tahun 2010.

Ini termasuklah bengkel penyelarasan semakan kurikulum yang telah diadakan pada 18 hingga 19 Jun 2010 baru-baru ini yang turut dihadiri oleh Pengarah, Bahagian Pembangunan & Pengurusan Akademik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Oleh yang demikian, penekanan terhadap pemeriksaan kualiti kurikulum dilihat mampu meningkatkan kualiti pencapaian akademik di universiti ini seterusnya dapat melahirkan graduan yang berkualiti, berkredibiliti dan meningkatkan kebolehpasaran graduan.



# AWA



## Penyelidik wanita UMP menang anugerah khas **WIPO Best Women Inventor** di ITEX 2010

Buat julung kalinya, penyelidik wanita Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim diberi penghargaan menerusi anugerah khas iaitu *World Intellectual Property Organization (WIPO) Best Women Inventor* menerusi projek beliau yang bertajuk “Sustainable Production of Sorbitol From Biomass Using Green Technology Approach” di Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-21 (ITEX’ 10) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur yang berlangsung mulai 14 hingga 16 Mei 2010.

Malah, pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) itu turut memenangi pingat emas menerusi produknya penyelidikannya itu yang menghasilkan gula ringkas (sorbitol) daripada habuk kayu.

Produk-produk lain yang meraih pingat emas adalah “Development of Clean Renewable Fuel From Wastewater Towards A Sustainable Energy Source Using Green Technology Approach: HEC2” hasil penyelidikan Dr. Zularisam Ab Wahid daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) yang menghasilkan minyak gas daripada air kumbahan dengan menggunakan tenaga solar.

Manakala produk penyelidikan oleh Norashikin Mat Zain dari FKKSA iaitu “Novel Green, Economical and Environmentally Friendly Biodegradable Composite Films From Caladium” juga meraih pingat emas.

Menerusi produknya itu, beliau menggunakan bahan alam semula jadi iaitu ubi keledek sebagai bahan memproses beg

plastik yang mudah terurai.

ITEX 2010 kali ini telah mencatatkan kemenangan 100 peratus bagi UMP selepas semua lapan produk penyelidikan yang dipertandingkan berjaya memenangi tiga pingat emas dan lima pingat perak.

Manakala pingat perak pula diterima menerusi Dr. Anwar Ahmad dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) yang bertajuk “Activated Sludge Biomass to Remove Pollutants From Wastewater”, “Peat Sampler With Built-In Extruder (PEATER)” oleh Youventharan Duraisamy dari FKKSA, dan “A Novel Process of Membrane Anaerobic System in Treating Palm Oil Mill Effluent” oleh Profesor Madya Dr. Abdurahman Hamid Nour dari FKKSA.

Turut meraih pingat perak produk “Pineapple Maturity Inspection Using Colour Identification” oleh Rohana Abdul Karim dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan “Formulation of New Drag Reducing Agent Using Natural Mucilage Extracted From Hibiscus Rosa-sinensis Linn Leaves” oleh Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdul Bari dari FKKSA.

Pada pameran itu juga, ruang pameran UMP turut meraih tempat kedua dengan memenangi pingat perak bagi kategori “ruang pameran terbaik bagi keluasan 54 kaki persegi ke atas”.

Terdahulu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili berkata, Malaysia perlu fokus pada inovasi yang menyeluruh

bagi meningkatkan lagi ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi.

Tambah beliau lagi, tiada penghujung dan had dalam inovasi. Inovasi membuka lebih banyak peluang bagi negara Malaysia.

“Negara kita bergantung kepada rakyatnya bagi menyumbang kepakaran dan idea yang berinovatif untuk mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah ekonomi berpendapatan tinggi.

“Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9), kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.889 bilion bagi pelaksanaan 4,300 projek untuk memberi penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pembangunan teknologi dan inovasi.

“Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga telah memperuntukkan beberapa dana untuk membangunkan idea dan juga rekaan dan sehingga kini telah menerima sejumlah 10,375 permohonan,” katanya ketika berucap di majlis perasmian ITEX 2010 pada 14 Mei 2010 baru-baru ini.

Penganjuran ITEX 2010 pada kali ini menyaksikan lebih daripada 30 peratus penyertaan daripada 50 pertubuhan yang terdiri daripada institusi pengajian tinggi (IPT), institut penyelidikan, sektor korporat dan individu serta pemeran 673 rekaan di dalam 24 kategori.

Pada kali ini juga, ITEX 2010 turut disertai oleh penyelidik-penyelidik dari Rusia, Iran, Korea, Taiwan, Hong Kong, Thailand dan Vietnam.

## UMP catat kejayaan besar di Pertandingan Inovasi, Ciptaan dan Reka Bentuk Peringkat Kebangsaan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencatat kejayaan apabila meraih 100 peratus kemenangan dengan memenangi anugerah khas bagi ruang pameran terbaik, dua pingat emas, tiga pingat perak dan satu pingat gangsa di Pertandingan Inovasi, Ciptaan dan Reka Bentuk Peringkat Kebangsaan (IID 2010) di Sungai Petani Inn, Kedah pada 28 hingga 29 Julai 2010 yang lalu.

Sebanyak 126 penyertaan dari tiga kategori yang dipertandingkan iaitu kategori profesional, pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta pelajar sekolah seluruh negara mengambil bahagian dalam pertandingan anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah dengan kerjasama Malaysian Invention and Design Society (MINDS) dan Majlis Reka Cipta Malaysia (MRM).

Pertandingan itu menyaksikan pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Abdul Syukor Abdul Razak memenangi pingat emas dalam kategori profesional setelah projek penyelidikan beliau mengenai penggunaan tandan kelapa sawit yang diperam sebagai medium penggalak umpan tiruan makhluk perosak anai-anai menarik perhatian juri.

Selain beliau, tiga pelajar FKASA, Nurul Atiqah Iliyani Malekke, Shafura Abidi dan Nur Amirah Mohamad Tajudin memenangi pingat emas dalam kategori pelajar IPT dengan produk penyelidikan mereka mengenai pemeraman kandungan sisa ikan dan sayur yang dapat mengeluarkan tenaga elektrik.

Pingat perak pula dimenangi oleh Law Dah

Lit dan Norzatulakma Mohd Kodori dengan projek penyelidikan merawat air kumbahan ladang khinzir menggunakan tumbuhan akuatik seperti pokok kiambang dan keladi bunting.

Mohd Jumain Mapplati dan Ahmad Izzudin Abdul Razak memenangi pingat perak dengan projek penyelidikan mengenai sistem bekalan air (Sistem Wasra) dengan pengumpulan air tadahan hujan dan pengepaman air bawah tanah yang dirawat menggunakan bahan semula jadi seperti tandan, tempurung kelapa sawit, tempurung kelapa dan pasir untuk buangan bahan karbon teraktif.

Sementara itu, Thilagawathi A/P Batumalai yang menggunakan kulit bawang sebagai projek penyelidikannya bagi mencegah pengaratan untuk sistem paip buangan bahan industri berjaya mendapat pingat perak.

Pingat gangsa pula dimenangi oleh Bong Siak How dan Siti Hajar Abdol Gani yang menjalankan kajian terhadap penggunaan air kumbahan daripada penternakan ikan bagi penyiraman tanaman landskap.

Menurut Abdul Syukor, kejayaan yang dicapai UMP ini amat membanggakan kerana telah berjaya mencapai seratus peratus menerima pingat dalam projek penyelidikan yang dipertandingkan.

Beliau berharap agar kejayaan ini akan memberi semangat kepada pensyarah untuk terus memberi bimbingan dan mendedahkan pelajar mengenai dunia penyelidikan serta menarik minat terhadap semangat berdaya saing pada masa akan datang.

*Universiti Malaysia  
Pahang (UMP)  
mencatat kejayaan  
apabila meraih  
100 peratus  
kemenangan  
dengan memenangi  
anugerah khas bagi  
ruang pameran  
terbaik, dua pingat  
emas, tiga pingat  
perak dan satu  
pingat gangsa.*





## UMP pameran kreativiti di Karnival Malaysia Inovatif 2010 Zon Timur

Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai sebuah institusi penyelidikan yang terulung di Pantai Timur baru-baru ini turut sama memeriahkan Karnival Inovatif 2010 Zon Timur pada 30 hingga 31 Julai 2010 yang lalu bertempat di Pusat Dagangan Terengganu, Kuala Terengganu, Terengganu.

Program anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu, Pahang serta Kelantan dan Rakan Inovatif itu telah dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja, Yang di-Pertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu.

Bersama-sama dengan kerajaan Negeri Pahang, UMP mempamerkan hasil penyelidikan yang dilaksanakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus.

Selain dari penyelidikan Profesor Dato' Dr. Rosli Yunus, empat penyelidikan UMP turut dipilih oleh pihak MOSTI untuk layak dipertandingkan ke peringkat akhir menerusi penyelidikan daripada Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Norashikin Mat Zain telah berjaya memenangi hadiah Inovasi Malaysia bagi kategori wanita melalui Penyelidikan *"The Potential of Natural Waste & For Protection or Economical and Environmentally Friendly Bio-Degratable Films (From Waste to Wealth)"* iaitu penghasilan filem boleh urai atau plastik menggunakan batang pokok pisang.

Karnival dua hari itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pemikiran yang kreatif dan memupuk budaya inovasi di kalangan rakyat negeri Terengganu, Pahang dan Kelantan ke arah penghasilan kekayaan, penjana ilmu dan kesejahteraan rakyat dengan matlamat melahirkan satu *Innovative Nation*.

Kumpulan sasaran pameran ini disasarkan kepada semua lapisan masyarakat iaitu golongan OKU, wanita, belia, pelajar sekolah, komuniti, penduduk bandar dan luar bandar, penyelidik, badan bukan kerajaan dan pihak swasta.

Selaras dengan tema "Meraikan Kreativiti", pelbagai program inovasi telah disusun seperti Pertandingan Inovasi Peringkat Zon Timur, Pameran Produk Inovasi, Ceramah Interaktif, Bengkel Inovatif dan Malam Kreativiti Muzikal.

Sebanyak tiga siri ceramah interaktif dan enam siri bengkel inovatif diadakan bagi tujuan membuka minda kreativiti peserta dan melahirkan satu masyarakat yang berbudaya kreatif dan inovatif tanpa mengira umur dan gender.

Program Malam Kreativiti Muzikal turut diadakan bertujuan menonjolkan bakat kreativiti di dalam bidang seni anak-anak muda negeri Terengganu, Pahang dan Kelantan. Pertandingan Kreativiti Muzikal yang berkonsepkan *"Waste To Wealth"* itu menyaksikan persaingan hebat di antara kumpulan-kumpulan yang terpilih sebagai *'Finalis'*. Johan pertandingan berpeluang membuat persembahan di Festival M2010 di Bukit Jalil pada November yang akan datang.

## UMP raih Anugerah Teknologi Hijau di NRIC 2010

Universiti Malaysia Pahang (UMP) meraih pingat emas dan Anugerah Teknologi Hijau (*Sustainable Green Technology Award*) dalam Pertandingan Penyelidikan & Inovasi Peringkat Nasional (NRIC) yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang baru-baru ini.

Dua penyelidik muda dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Thilagawathi A/P Batumalai dan Nur Fitriah Isa menerusi ciptaan bertajuk *"Investigation on the usage of Allium Cepa(Onion) As Natural Corrosion Inhibitor for Industrial Chill Wastewater System"* membawa pulang wang ganjaran sebanyak RM3000, trofi serta sijil penghargaan.

Penyelidikan yang diselia oleh pensyarah FKASA, Suryati Sulaiman dan Abdul Syukor Abdul Razak ini menggunakan kulit bawang besar yang mempunyai bahan kimia bagi menghalang pengurangan di dalam sistem penyejukan paip industri.

Selain itu, pelajar dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Noridayu Othman berjaya memenangi pingat gangsa menerusi projek *"Palm Oil Fruit Maturity Detection System."*

Lebih menariknya, penganjuran NRIC 2010 ini turut disertai pelajar kurang upaya iaitu Siti Hawa Apandi menerusi ciptaannya *"Online Registration of Orang Kurang Upaya (OKU)"*

Penganjuran NRIC ini dapat melahirkan lebih ramai saintis muda yang kreatif dan inovatif berteraskan sains dan teknologi. Pertandingan ini juga bertujuan memberi peluang kepada pelajar peringkat ijazah menonjolkan bakat mereka sekaligus memberi sumbangan kepada negara dalam bidang sains dan teknologi.

Kejayaan sulung UMP dalam NRIC ini sudah pastinya menyuntik semangat pelajar lain untuk menghasilkan penyelidikan yang boleh menyumbang ke arah pemacuan ekonomi dan kemakmuran negara.

# Makmal UMP diiktiraf dunia, yakinkan industri



Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya membuktikan Perkhidmatan Makmal Kejuruteraan Awam (CELS) di Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) diiktiraf dunia dengan pengamalan sistem pengurusan makmal berkualiti.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pengiktirafan persijilan ISO/EIC 17025:2005 ini membuktikan makmal UMP diurus secara sistematik dan mengikut piawaian antarabangsa.

"Ianya dijangka dapat menarik minat pihak industri bagi menjalankan pengujian terhadap produk keluaran syarikat mereka.

Selain itu, makmal ini juga dapat digunakan secara optimum dari segi pengajaran dan pembelajaran selain digunakan pihak industri di Pantai Timur," kata Dato' Dr. Daing Nasir.

Beliau berkata, pengiktirafan yang berkuat kuasa mulai 6 Julai 2010 hingga 6 Julai 2013 ini menjadikan UMP membudayakan pembangunan dan penyelidikan (R&D) dalam merealisasikan konsep universiti-industri bagi mencapai objektif Pelan Perancangan Strategik UMP tahun 2008-2010.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, pengiktirafan antarabangsa ini adalah inisiatif UMP memberi peluang kepada industri menjalankan pengujian sampel air permukaan dan air sisa bagi pengeluaran produk dari industri.

"Ianya juga dapat dimanfaatkan oleh pelajar UMP dengan memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai teknik dan metodologi yang diperlukan mengikut piawaian antarabangsa," ujar beliau.

Selain itu, beliau turut menyatakan kegembiraan dengan penerimaan pengiktirafan daripada pihak NIOSH Certification Sdn. Bhd. dalam Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OHSAS 18001:2007) dan MS 1722: Bahagian 1 : 2005 kepada makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) baru-baru ini.

Katanya, makmal ini juga menerima pengiktirafan Sistem Pengurusan Alam Sekitar - ISO 14001:2004. Gabungan sistem pengurusan ini membentuk Sistem Pengurusan Bersepadu Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar.

Katanya, UMP menitikberatkan amalan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar. Pengiktirafan ini membuktikan makmal universiti ini sebagai yang terbaik di Pantai Timur. Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar yang diadakan sempena penganjuran program 'Moh Makan Durian' bersama pengamal media anjuran UMP yang diadakan untuk menghargai jasa dan peranan pihak media dalam menyiarkan liputan mengenai UMP sejak penubuhannya kira-kira lapan tahun lalu.

Naib Canselor UMP turut mengumumkan

mengenai penerimaan pengiktirafan daripada Malaysian Biotechnology Corporation kepada universiti dalam menjalankan penyelidikan di makmal UMP menerusi BioNexus Partners Programme (BNP) bagi membantu industri kecil dan sederhana.

Sementara itu, Dato' Daing Nasir juga berkesempatan mengumumkan Pertandingan Reka Cipta & Inovasi 2010 bertemakan 'Inovasi untuk Kehidupan' sempena Majlis Konvokesyen UMP Ke-5 pada 2 Oktober ini.

Tiga kategori dipertandingkan, Kategori Tertutup (UMP Sahaja), Kategori Terbuka (IPT) dan Kategori Terbuka (Sekolah Menengah).

Turut sama, Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT), Profesor Dr. Ahmad Othman, Ketua Biro Berita Harian, Abdul Razak Raaf, Pengurus NSTP Kuantan, Fauzi Abdul Hamid dan Ketua Wartawan Metro, Zaitie Satibi.

Lain-lain media, Bernama, RTM Pahang, The Star, New Straits Times, Utusan Malaysia dan Kosmo!

Suasana meriah tergambar sepanjang program yang dijalankan secara sederhana. Selain dijamu dengan 'raja buah' iaitu durian, tetamu yang hadir turut dihidangkan dengan buah rambutan dan manggis.





## UMP pertingkatkan prasarana jalur lebar

Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya meningkatkan keupayaan tahap jalur lebar mencapai 1Gbps sebagai usaha menyediakan kemudahan prasarana internet yang berkapasiti tinggi dengan kerjasama pihak TIME dotCom Berhad (TIME).

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, melalui inisiatif peningkatan jalur-lebar ini, proses pengajaran dan pembelajaran di Universiti ini akan dapat dimudah cara dengan lebih efisien.

"Proses perolehan ilmu pengetahuan kini tidak lagi terbatas kepada sumber konvensional, malah dengan mudah boleh diakses secara atas talian.

"Melalui peningkatan keupayaan jalur-lebar ini pensyarah, penyelidik dan pelajar akan dapat memanfaatkan sumber-sumber rujukan atas talian seperti artikel, buku elektronik, jurnal, pangkalan data elektronik dan sebagainya dengan mudah," katanya.

Menurutnya, Program Transformasi Kerajaan atau GTP yang sedang giat dioperasikan kini merupakan komitmen pihak Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih berkesan dan cekap kepada rakyat. Penggunaan aplikasi ICT telah dikenal pasti oleh Kerajaan sebagai antara pengupaya utama (*key enabler*) kepada kejayaan inisiatif ini.

"Sebagai sebahagian dari jentera perkhidmatan awam di Malaysia, UMP juga tidak terkecuali dalam menjayakan usaha Kerajaan dan memberi keutamaan terhadap pembangunan dan penggunaan ICT dalam skop yang lebih luas dengan meliputi pembangunan sistem dan proses kerja yang berkualiti.

Usaha yang telah dirintis ini akan menjadikan UMP sebagai salah satu ahli dalam MYREN atau Malaysian Research Network dalam masa terdekat.

Dijangka lebih 5,000 pelajar dan 1,500 di kalangan pensyarah dan staf pentadbiran mendapat manfaat daripada peningkatan prasarana ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif TIME, Afzal Abdul Rahim berkata, pihak Time bekerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia bagi membangunkan prasarana internet berteknologi tinggi yang sesuai dengan keperluan semasa.

Dalam majlis yang sama, pihak TIME turut menyumbang sebanyak RM 5000 bagi dana Tabung Kebajikan Malaysia UMP. Penyerahan cek disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif TIME, Afzal Abdul Rahim kepada Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir.

Hadir dalam majlis pelancaran ini, Timbalan

Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Bendahari, Zainuddin Othman, Ketua Pustakawan, Ruslan Che Pee, Pemangku Pengarah Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, Roslan Awang Abdul Rahman dan Ketua Jualan Time, Abdul Rahman Hussin.

***"Melalui peningkatan keupayaan jalur-lebar ini pensyarah, penyelidik dan pelajar akan dapat memanfaatkan sumber-sumber rujukan atas talian seperti artikel, buku elektronik, jurnal, pangkalan data elektronik dan sebagainya dengan mudah,"***

***- Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim***

# Penyelidik Muda UMP kian bersinar

– Norashikin

## PROFIL

**Nama:** Norashikin binti Mat Zain  
**Tarikh Lahir:** 7 April 1982  
**Tempat Lahir:** Kangar, Perlis Indera Kayangan

**Pendidikan:**  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Bioproses dan Ijazah Kejuruteraan Kimia (Bioproses) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor

**Jawatan:**  
Pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, UMP

### Pencapaian dan kejayaan:

- Johan Anugerah Belia Negara 2010 Peringkat Negeri Pahang
- Finalis Harta Intelek Negara 2010
- Johan Kategori Wanita Inovasi Zon Timur Malaysia Inovatif 2010
- Anugerah Cendekia Bitara 2010
- Anugerah Sanjungan Penyelidikan 2010
- Anugerah Sanjungan Paten 2010
- Pingat Emas, ITEX 2010
- Pingat Emas ITEX 2009
- Anugerah Khas, Henry Goh Award Best Invention in Environmental Innovation, ITEX 2009
- Pingat Emas BIS 2009, London, UK
- Anugerah Khas, Diamond Award for Natural Earth BIS 2009 London, UK
- Anugerah Khas, Platinum Award for Consumer BIS 2009 London, UK

Keluaran *Create* kali ini, ruangan personaliti pilihan berpeluang mendekati seorang penyelidik muda wanita Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang makin meningkat namanya. Beliau adalah antara penyelidik termuda yang begitu banyak meraih anugerah sama ada dalam negara atau luar negara. Beliau yang dimaksudkan ialah Norashikin binti Mat Zain, 28, yang telah memenangi Anugerah Belia Negara 2010 Peringkat Negeri Pahang baru-baru ini.

Walaupun agak sibuk dengan kekangan tugas sebagai seorang pensyarah dan juga penyelidik, namun Norashikin seorang yang bijak mencuri sedikit masa berharga beliau untuk ditemu bual khas bagi keluaran *Create* pada kali ini.

Menjawab jawatan sebagai seorang pensyarah, Norashikin memulakan tugasannya di Jabatan Bioteknologi, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 4 Julai 2006. Walaupun baharu berkhidmat selama empat tahun di UMP, namun beliau amat dikenali hasil daripada produk penyelidikannya yang telah banyak memenangi anugerah sama ada di dalam negara atau luar negara.

Anak jati kelahiran Kangar, Perlis ini telah dikurniakan seorang cahaya mata hasil perkongsian hidup dengan suaminya yang juga merupakan salah seorang pensyarah dan penyelidik UMP. Walaupun agak sibuk dengan tugas hakiki di UMP dan di rumah, namun ia

tidak menghalang penyelidik muda ini untuk terus melakar kejayaan dalam dunia akademiknya.

### Kerjaya sebagai pensyarah dan penyelidik perlu seiring

Menurut Norashikin, kerjaya sebagai pensyarah telah membuka peluang kepada beliau untuk menjalankan aktiviti penyelidikan yang merupakan sebahagian daripada tugas hakiki beliau. Peruntukan penyelidikan yang diterimanya merupakan langkah pertama beliau untuk mula aktif dan menjinakkan diri dalam dunia penyelidikan di UMP.

Alumni Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor ini mengakui idea produk beliau selama ini adalah hasil daripada penyelidikan yang pernah dilakukan semasa menyambung pengajian peringkat sarjana dalam bidang Kejuruteraan Bioproses yang melibatkan penggunaan teknologi membran.

Bermula dari situlah, beliau mula mendapat suntikan idea bagi menghasilkan Filem Boleh Urai (*Biodegradable Film*) yang menggunakan bahan semula jadi sebagai bahan asasnya. Beliau mendapati banyak bahan buangan yang dihasilkan daripada aktiviti pertanian dan dibiarkan begitu sahaja. Beliau mendapat cetusan idea tersebut untuk mengitar semula bahan buangan pertanian bagi menghasilkan sesuatu produk yang lebih bermanfaat kepada semua.

Ternyata penyelidik yang pernah meraih sebanyak 12 jenis anugerah dalam usia semuda ini, sangat berinovasi dengan menambah baik pula produknya dengan menggunakan kulit jagung yang telah memberi nilai tambah kepada beliau sehingga diiktiraf sebagai Finalis Harta Intelek Negara 2010.

“Saya rasa bersyukur dan terharu dengan pengiktirafan yang diberikan ini. Ini kerana untuk menjadi Finalis Harta Intelek Negara 2010, bukanlah calang-calang orang yang tersenarai.

“Kebanyakan penyelidikan yang dipertandingkan adalah terdiri daripada para penyelidik yang mempunyai kelulusan PhD dan pastinya mereka telah lama bergiat dalam dunia penyelidikan serta mempunyai pengalaman yang cukup hebat jika dibandingkan dengan usia saya yang setahun jagung dalam bidang ini,” ujar beliau ketika menceritakan kejayaan yang diperoleh hasil daripada penggunaan bahan buangan pertanian tersebut.

#### Perancangan dalam memajukan produk penyelidikan

Sejajar dengan seruan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang mengisytiharkan Tahun Malaysia Inovatif 2010 telah menyemarakkan lagi semangat Norashikin untuk lebih proaktif dalam dunia penyelidikan. Namun ujarinya juga, beliau turut menyediakan perancangan yang rapi dalam menjalankan tugas hakiki dan penyelidikannya ini.

Katanya, sudah hampir empat tahun beliau menjalankan penyelidikan, sudah tiba masanya beliau menumpukan pula pada aspek lain seperti menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan menjinakkan diri untuk menulis artikel atau jurnal supaya dapat dikongsi ilmu penyelidikannya kepada masyarakat umum seperti mana yang dilakukan sekarang dengan menulis jurnal dan kertas kerja di peringkat antarabangsa

berkenaan penyelidikan *biocomposite*.

“Bagi menambahkan ilmu sebagai seorang pendidik dan penyelidik, saya dan suami bercadang untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Mengikut perancangan saya dan suami, kami akan menyambung pengajian di peringkat ijazah doktor falsafah di luar negara agar ilmu yang diperoleh nanti dapat digunakan untuk memajukan lagi bidang penyelidikan di UMP,” tekan beliau.

.....

**“Saya amat menekankan kepada pelajar saya supaya dapat melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti dan program inovasi kerana dari situlah kita mampu mencambahkan idea dan buah fikiran kita untuk menghasilkan sesuatu produk baharu.”**

.....

#### Rahsia dan resepi kejayaan

Apabila ditanya akan rahsia kejayaan dan resepi kejayaan beliau selama ini, beliau turut mengakui bukan mudah untuk memperoleh kejayaan seperti mana yang

dikecapi pada hari ini. Jelasnya, pemikiran yang kreatif dan inovatif perlu diterapkan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi, disusuli dengan usaha bersungguh-sungguh.

“Saya akui bahawa tanpa dorongan dan sokongan daripada keluarga tersayang sudah pasti saya tidak mampu menghadapi pelbagai cabaran dan permasalahan dalam dunia penyelidikan yang serba mencabar ini.

Bagi beliau, peluang yang ada untuk melakukan kerja di pejabat akan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh supaya setiap pekerjaan yang diusahakan tidak akan tertangguh dan tidak perlu mencuri masa bersama keluarga di rumah.

#### Harapan dan hasrat kepada warga UMP

Sebagai seorang pensyarah, beliau sedar akan tanggungjawab beliau yang sangat berat ini sebagai seorang pendidik dan berbakti kepada UMP. Beliau berharap, kejayaan yang diperoleh ini akan memberi semangat kepada para penyelidik lain supaya terus berusaha demi menyahut seruan kerjaan dan menaikkan nama UMP di persada dunia, di samping menjadi *role model* kepada para pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

“Saya amat menekankan kepada pelajar saya supaya dapat melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti dan program inovasi kerana dari situlah kita mampu mencambahkan idea dan buah fikiran kita untuk menghasilkan sesuatu produk baharu.

“Tanpa kita sedari, pemikiran inovatif inilah yang akan membawa kita kepada penciptaan produk yang tidak dijangka oleh kita sendiri pada mulanya. Cubalah kita mencabar daya reka cipta kita dengan berinovasi demi kepentingan UMP dan Negara,” ujar beliau panjang lebar sebelum mengakhiri sesi temu bual tersebut.

Sidang Editorial *Create* mengucapkan segulung tahniah buat Norashikin dan selamat maju jaya dalam apa jua pekerjaan yang dilaksanakan demi kepentingan UMP.

.....

**“Tanpa kita sedari, pemikiran inovatif inilah yang akan membawa kita kepada penciptaan produk yang tidak dijangka oleh kita sendiri pada mulanya.”**

.....





“Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu sama-sama menggalas tanggungjawab memelihara perpaduan rakyat di negara ini,” tegas Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim semasa menyampaikan ucapan sempena Majlis Pelancaran Sekretariat Rukun Negara (SRN) di Auditorium Perpustakaan UMP Kampus Gambang baru-baru ini.

Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir berkata, penubuhan SRN ini akan menggalakkan penyertaan mahasiswa pelbagai kaum dan agama mendokong semangat muhibbah serta perpaduan negara.

“Penghayatan prinsip Rukun Negara dan nilai utama gagasan 1Malaysia di kalangan warga Malaysia perlu diteruskan agar keamanan, keselamatan dan kemakmuran negara dikecapi bersama,” katanya.

Justeru, beliau menaruh harapan agar SRN yang baharu dilancarkan ini benar-benar berfungsi sebagai sebuah organisasi yang menggalakkan penyertaan mahasiswa pelbagai kaum dan agama dalam mendukung semangat muhibbah serta perpaduan negara.

Sementara itu, pelajar Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Siti Hanisah Majid, 21 berkata, penyertaannya dalam persatuan ini akan dapat mengeratkan lagi perpaduan bangsa di Malaysia.

“Perpaduan merupakan tulang belakang kepada sesebuah negara yang mempunyai pelbagai lapisan masyarakat.

“Mahasiswa sebagai pewaris bangsa perlu berusaha mendidik generasi muda Malaysia hari ini untuk menjadi warga Malaysia berjiwa patriotisme “ katanya.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato’ Dr. Rosli Mohd. Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Pengarah Dasar & Perancangan, Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional, Kapli Emek dan Pengarah SRN Shrihar a/l Gengatharan.

## UMP tubuh Sekretariat Rukun Negara



# Warga UMP hayati Kemerdekaan pada bulan Ramadan



Sempena sambutan Bulan Kemerdekaan yang jatuh pada bulan Ramadan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) turut sama meraikan sambutan tersebut secara sederhana namun penuh penghayatan.

Pelbagai acara menarik disusun sempena sambutan kemerdekaan negara ke-53 yang bertemakan '1 Malaysia Menjana Transformasi' pada tahun ini.

Pengarah program sambutan, Talhah-Abdullah Amir berkata, penganjuran program berkonsepkan semarak Ramadan menjadikan sambutan kemerdekaan tahun ini lebih dirasai dan meriah tanpa mengira kaum, agama dan penglibatan pelajar antarabangsa.

Menurutnya, semangat kemerdekaan kian dirasai apabila kibaran Jalur Gemilang dapat dilihat memenuhi persekitaran kampus dan pastinya memeriahkan sambutan serta memupuk semangat cintakan negara.

"Selain itu, bagi menghangatkan lagi suasana, aktiviti gotong-royong menghias pejabat di kalangan warga kerja UMP mengikut kreativiti masing-masing.

"Penganjuran Festival Ramadan dan sambutan kemerdekaan anjuran Persatuan Mahasiswa Kolej Kediaman (Peka), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Kelab Orator dan Kelab 1 Malaysia pastinya menjadikan sambutan kemerdekaan tahun ini lebih bermakna di kalangan warganya," katanya.

Terdapat beberapa program melibatkan penyertaan penuntut seperti hafazan dan tilawah al-Quran, pertandingan rumah patriotik dan syarahan bertemakan kemerdekaan serta Ramadan.

"Turut diadakan pertandingan video kemerdekaan yang ditayangkan dalam program di Ambang Kemerdekaan pada malam 30 Ogos," tambahnya.

Program Ambang Kemerdekaan juga turut disambut di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik di kampus tetap UMP di Pekan.

"Lebih meriah apabila Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim hadir bersama lebih 1,000 penuntut UMP bagi menjayakan sambutan Ambang Kemerdekaan itu," katanya.





## Tiga pasangan suami isteri terima APC



Tiga pasangan suami isteri adalah antara 99 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2009 pada 26 Julai 2010 yang lalu di Dewan Astaka, UMP.

Tiga pasangan itu ialah Izan Misnon, Siti Roslindar, Hazmin Aris, Mimi Rabita Abd Wahit, Shahrol Azmi Amzat dan Yusmaliza Kamela Mohamed Ali.

Menurut pasangan Izan dan Roslindar yang kedua-duanya merupakan Pensyarah Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), mereka bersyukur dan berterima kasih kepada universiti atas pengurniaan anugerah ini.

"Kami bertugas di bawah satu bumbung, justeru, kami dapat berbincang bersama-sama untuk memajukan dan menaikkan nama FSTI.

"Apatah lagi, FSTI merupakan sebuah fakulti yang masih baharu lagi ditubuhkan," jelas Izan lagi.

Manakala menurut Penolong Pegawai Teknologi Maklumat di Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK), Shahrol Azmi, beliau bersyukur dengan anugerah ini namun sedikit sedih kerana isteri tidak dapat untuk bersama kerana cuti bersalin.

Tambah beliau lagi, walau bagaimanapun tahun ini cukup bermakna kerana beliau

dikurniakan cahaya mata kedua pada 11 Julai yang lalu.

Bagi pasangan Hazmin dan Mimi pula mereka berpendapat bahawa sikap toleransi, kerjasama dan saling memahami antara satu sama lain menjadi prinsip kejayaan mereka.

"Sungguhpun majoriti wanita kini berkerjaya dan lebih banyak menghabiskan masa di pejabat, namun mereka tetap memikul tanggungjawab sebagai isteri dan ibu," kata Mimi yang bertugas sebagai Pegawai Perhubungan Awam di Pejabat Naib Canselor.

Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam ucapannya mengajak seluruh warga UMP baik staf mahu pun mahasiswa memainkan peranan dalam membina keunggulan sebagai organisasi yang memiliki keserjanaan jiwa dan keunggulan watak sebuah universiti.

"Walaupun kewujudan kita sebagai anggota kerja di universiti ini terbatas hanya kepada tempoh perkhidmatan yang tertentu sahaja, namun budaya kerja yang cemerlang perlu terus dilestari.

"Ianya akan diwarisi sebagai legasi unggul kepada generasi yang akan menggantikan kita nanti," katanya.

"Sikap proaktif hendaklah mengatasi

sikap sekadar cukup atau *complacence* (kepuashatian)," ujarnya

Tambah beliau lagi, kita perlu konsisten untuk menambah baik amalan kerja supaya terus efisien dan berkualiti.

"Seorang pekerja yang cemerlang bukan sahaja dinilai terhadap markah prestasi tetapi juga perlu kreatif dan sentiasa menambah nilai kepada organisasi.

Selain itu, amalan budaya kerja yang cemerlang perlu terus dilestari untuk diwariskan sebagai legasi unggul kepada generasi yang akan datang," katanya.

Sementara itu, Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim dalam kata alu-aluannya berharap staf yang cemerlang haruslah luhur budi pekertinya, menjuarai perubahan untuk bergerak maju, berilmu dan mengekalkan keunggulan perkhidmatan yang terbaik.

Beliau menasihatkan warga kerja UMP agar terus membina pasukan kerja yang bersemangat, berinovasi dan berinisiatif tinggi.

"Penganugerahan perkhidmatan cemerlang ini bagi menghargai sumbangan staf dalam membantu universiti mencapai kecemerlangan dan menjadi contoh kepada warga kerja yang lain," katanya.

# Jabatan Pendaftar anjur Hari Bertemu Pelanggan

Jabatan Pendaftar, Universiti Malaysia Pahang (UMP) baru-baru ini telah mengajurkan Hari Bertemu Pelanggan UMP Kali Ke-2 pada 4 Ogos 2010 bertempat di Ruang Legar Kompleks Pentadbiran Utama (KPU), UMP Kampus Gambang.

Program yang bertemakan "We Care For Your Health" itu diadakan dengan kerjasama Pusat Kesihatan Pelajar UMP serta agensi jemputan seperti Lembaga Penduduk & Pembangunan Keluarga Negeri Pahang (LPPKN), Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan, Pusat Tabung Darah Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Kuantan, GlaxoSmithKline Pharmaceutical Sdn. Bhd, Boehringer Ingelheim dan Mahkota Medical Centre.

Program yang berkonsepkan 'kesihatan' itu berjaya menarik minat lebih 500 pengunjung yang terdiri daripada warga UMP.

Pengajuran program ini adalah selaras dengan tuntutan semasa dan dasar kerajaan memfokuskan sistem penyampaian perkhidmatan secara berkesaan.

Antara perkhidmatan yang disediakan adalah pemeriksaan tahap kesihatan, khidmat nasihat, promosi

dan jualan produk berkaitan kesihatan dan sebagainya.

Selain itu, syarikat Nestle Malaysia turut menyediakan air minuman Nescafe secara percuma kepada pengunjung yang hadir.

Pada masa yang sama juga, Ceramah Kesedaran berkaitan Kanser Pangkal Rahim dan Kanser Serviks telah disampaikan oleh Pakar Perubatan Sakit Puan & Perbidanan, Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Kuantan, Dr. R Sudasen.

Ceramah selama sejam itu diadakan dengan kerjasama GlaxoSmithKline Pharmaceutical Sdn. Bhd. telah mendapat sambutan kira-kira 100 orang staf wanita UMP yang memberi info pendedahan dan sebagai langkah awal pencegahan memandangkan Kanser Pangkal Rahim adalah kanser kedua paling kerap yang dialami wanita kini selepas kanser payu dara.

Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang turut berkesempatan meluangkan masa melawat Pameran Hari Bertemu Pelanggan bagi mendapatkan khidmat nasihat dan menjalani pemeriksaan kesihatan.





# 213

## pelajar luar bandar didedah suasana kampus

Kesempatan sehari bergelar Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi 213 pelajar cemerlang tingkatan empat dari Sekolah Menengah sekitar Temerloh, Bera, Bentong dan Pekan pada 22 Julai 2010 yang lalu telah menyuntik semangat belajar bersungguh-sungguh bagi menyambung pengajian ke peringkat universiti.

Penganjuran Program Selangkah ke Universiti ini anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri (BAKTI), Kementerian Pengajian Tinggi dan 14 institusi pengajian tinggi yang dipilih, termasuk sebelum ini di Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan di UMP.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, inisiatif penganjuran bersama ini jelas menunjukkan kesepakatan penterjemahan secara praktikal tanggungjawab sosial bagi menggalas tanggungjawab terhadap generasi muda.

"Iklim persaingan pada hari ini memerlukan kelasakan minda dan ketahanan fizikal yang tinggi di kalangan generasi muda. Mereka perlu memiliki daya saing, laluan dan destinasi yang jelas bagi persediaan menempuh alam selepas persekolahan," katanya.

Menurut beliau, penganjuran program ini perlu dijadikan program tahunan dan diteruskan penganjurannya terutama di kalangan pelajar sekolah dari seluruh negeri Pahang.

Program sehari ini turut didedahkan dengan forum motivasi 'Moh Masuk U' yang terdiri daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPP) dan Presiden Sekretariat Majlis Mahasiswa Anak Pahang (SeMAMPAN), Mohd Fadzrul Hisyam Badarudin.

Katanya, penglibatan pihak Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan warga kerja UMP ini juga akan menjayakan agenda kesukarelaan (*Volunteerism*).

Sementara itu, mewakili BAKTI, Datin Norlin Shamsul Bahri berkata, pelajar yang dipilih mengikuti program ini terdiri daripada latar belakang keluarga yang tidak mempunyai ahli keluarga yang belajar di universiti.

Beliau mengharapkan, penganjuran program sehari ini dapat memberi pendedahan pelajar dengan kehidupan kampus, pembelajaran yang menyeronokkan dan berazam untuk berjaya sampai ke menara gading.

Pelajar berpeluang melawat makmal, kolej kediaman dan sekitar kampus serta menjalankan aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) bagi memupuk semangat berpasukan.

Seorang peserta dari SMK Tembangau Bera, Nurul Farhana Abdul Hamid berkata, pengalaman mengikuti kuliah dalam kelas, melawat perpustakaan dan belajar dengan ramai kawan sungguh menyeronokkan dan bertekad mendapatkan keputusan cemerlang dalam SPM tahun hadapan.

Majlis Perasmian Penutup disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, YB. Dato' Saifuddin Abdullah.

Dalam ucapannya, beliau menasihatkan pelajar memberi tumpuan kepada elemen 3K iaitu kursus, kelayakan dan kokurikulum sekiranya mahu terpilih ke institusi pengajian tinggi.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee dan pegawai Pejabat Pelajaran Daerah sekitar Pahang.





# UMP, SCUN jalin kerjasama akademik

OLEH: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN



Jaringan antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP) diperkukuhkan lagi dengan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dengan South Central University for Nationalities (SCUN) di sini pada 1 Jun 2010 yang lalu.

MoU tersebut ditandatangani bersama oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Presiden SCUN, Profesor Lei Zhaohai.

MoU yang menyentuh pelbagai lapangan kerjasama, khususnya pertukaran pelajar, sangkutan jangka pendek staf akademik, penyelidikan bersama dan pengwujudan makmal satelit.

Untuk rekod, kerjasama antara UMP dan SCUN telah dirintis sejak tahun 2008 lagi dan UMP telah menerima kunjungan delegasi SCUN yang diketuai Naib Presidennya, Profesor Luo Jiansheng pada awal Jun yang lalu.

Menurut Profesor Lei Zhaohai, MoU yang ditandatangani pada hari ini sebagai satu permulaan yang cemerlang dalam konteks hubungan dua hala antara SCUN dan UMP.

"Kedua-dua universiti boleh meneroka pelbagai lapangan yang berbeza bagi menjayakan kerjasama yang dimeterai ini," katanya.

Pada masa yang sama Profesor Dato' Dr. Daing Nasir turut menzahirkan harapan beliau untuk melihat kerjasama antara UMP dan SCUN dikekalkan secara strategik bagi manfaat kedua-dua belah pihak.

"Banyak yang boleh dipelajari dari kedua-dua buah universiti ini, sama ada dari segi akademik mahupun budaya," tambah Profesor Dato' Dr. Daing Nasir dalam ucapan balas beliau.

Delegasi UMP yang diketuai Profesor Dato' Dr. Daing Nasir

turut disertai Pengarah Pejabat Antarabangsa, Dr. Wan Norlidah Al-Qadri dan Penolong Pendaftar (Dasar) Pejabat Naib Canselor, Wan Nazrul Helmy Mohd Zain mempunyai atur cara padat sepanjang berada di SCUN.

Selepas pemeteraian MoU tersebut, delegasi UMP telah dibawa melawat Muzium Etnografi SCUN sebelum diraikan dalam satu majlis jamuan tengah hari di kampus universiti tersebut.

Pada sebelah petangnya, delegasi UMP dibawa melawat ke Kolej Sains Hidupan dan Kolej Kimia dan Sains Material bagi meninjau makmal-makmal serta kemudahan penyelidikan yang terdapat di sana.

Antara yang ditinjau ialah Makmal Kromatografi, Makmal Molekular Farmakologi, Makmal Kimia Etnoperubatan, Makmal Etno-farmakologi, Bilik Ujikaji Haiwan yang merupakan sebahagian dari Makmal Utama Bioteknologi untuk Suruhanjaya Negara Bagi Hal Ehwat Etnik.

Selain itu, Deligasi juga turut dibawa ke Makmal Utama Katalisis dan Sains Material yang turut dibiayai Suruhanjaya Negara Bagi Hal Ehwat Etnik dan Kementerian Pelajaran China yang menempatkan Makmal Transmisi Elektron Mikroskopi, Makmal X-ray Fotoelektron Spektroskopi, Makmal Difraksi X-ray dan Makmal Spektrometer Nuklear Magnetik.

Atur cara lawatan pada sebelah petang diakhiri dengan kunjungan ke bangunan Perpustakaan SCUN sebelum diraikan dalam majlis makan malam di salah sebuah restoran Muslim terkemuka di ibu kota Wilayah Hubei ini.

SCUN yang ditubuhkan pada tahun 1951, kini mempunyai 16 buah fakulti dan dihuni lebih 22,000 mahasiswa dari lebih 56 kelompok minoriti dengan 10 peratus daripadanya beragama Islam.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan delegasinya telah melawat ke Republik Rakyat China dengan mengunjungi Northwest University for Nationalities (NWUN) yang terletak di Lanzhou, 1,300 kilometer ke barat Beijing pada 10 Jun 2010 yang lalu.

Delegasi UMP telah disambut oleh Pengarah Bahagian Kerjasama dan Pertukaran Antarabangsa NWUN, Encik Qi Weiquan yang mewakili Presiden universiti tersebut.

Pelbagai perkara dan isu penting berkenaan pengwujudan hubungan dua hala antara UMP dan NWUN termasuklah peluang kerjasama dalam pertukaran pelajar, program akademik, sangkutan jangka pendek staf akademik, penyelidikan dan penyeliaan bersama serta lain-lain telah disentuh dalam perbincangan rasmi yang menyusul sejurus ketibaan Dato' Dr. Daing Nasir di kampus utama NWUN di ibu kota Wilayah Gansu ini.

Sambil menyifatkan hasil perbincangan yang

dijalankan sebagai amat positif, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir menzahirkan harapan tinggi beliau untuk melihat tindakan susulan yang konkrit terhadap isu-isu yang telah dibincangkan antara kedua-dua belah pihak, termasuklah menandatangani Memorandum Persefahaman dalam masa terdekat.

"NWUN merupakan rakan kerjasama yang berpotensi besar dan menawarkan prospek tinggi dalam konteks pengantarabangsaan UMP," tegas Dr. Daing Nasir.

Mengakhiri lawatan, delegasi UMP telah dibawa melawat ke Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Teknologi Sel Haiwan di kampus NWUN untuk meninjau Makmal Kultur Tisu dan Sel, Makmal Kejuruteraan Sel dan Makmal Biologi Molekular.

NWUN merupakan antara penggerak Zon Pembangunan Teknologi Industri Baharu dan Tinggi Kebangsaan China yang turut menempatkan Platform Teknologi Biofarmaseutikal bagi bandar raya Lanzhou.

## UMP sedia jalin kerjasama dengan NWUN

OLEH: WAN NAZRUL HELMY WAN  
MOHD ZAIN



**Ramah.....** Naib Canselor UMP sempat beramah mesra dengan sebahagian pelajar-pelajar baharu yang hadir untuk mendaftar bagi Sesi 2010/2011.



**Menang.....** Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) menyampaikan hadiah kepada pemenang sempena Majlis Mesra Media 2010 di Kuantan Plaza.



**Aktiviti.....** Pelajar antarabangsa UMP terlibat bersama menjayakan aktiviti dalam Program Kembara Hati Siswa Perdana di Kampung Nyentil, Pos Lanai, Kuala Lipis.



**Kumpul.....** Sebahagian pelajar yang terlibat dengan Program Khidmat Komuniti Perdana 2010 di Kampung Tanjung Selangor, Pekan membersihkan pantai yang berhampiran.



**Berbuca.....** Pelajar UMP berbuka puasa dengan hidangan yang disediakan secara gotong-royong pada setiap hari di Bulan Ramadan.

**Periksa.....** Staf UMP berpeluang membuat pemeriksaan kesihatan secara percuma sempena Hari Terbuka UMP 2010.



**Juadah.....** Naib Canselor UMP meluangkan masa melawat ke Bazar Ramadan UMP yang menjual pelbagai juadah menarik untuk berbuka puasa.



**Berbual.....** YAB Menteri Besar Pahang sempat berbual dengan pemenang Majlis Anugerah Cendekia Bitara 2010 di Bukit Gambang Resort.



**Kayuh.....** Antara rakit yang menyertai Ekspedisi Berakit IPT I Malaysia 2010 yang menyusuri Sungai Pahang bermula dari Temerloh hingga ke Pekan.



**Warna.....** Aktiviti Ekspresi Kanvas 1 Malaysia yang dijayakan bersama oleh staf dan pelajar UMP.



**Senaman.....** Pelajar yang menjayakan Senam Seni Malaysia sempena Program Merakyatkan Seni Budaya (PMS) IPTA - UMP.



**Hadir.....** KDYTM Tengku Puan Pahang turut sama hadir menyaksikan Kejohanan Badminton PERTAP 2010 yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan, UMP Gambang pada 24-25 Julai 2010.



**Gembira.....** Sebahagian aktiviti yang dijalankan sempena Program Khidmat Komuniti Perdana 2010 di Kampung Tanjung Selangor, Pekan.

# Klik-Klik Lensa



## Kerjasama antarabangsa UMP, KUAS pertingkat industri pembuatan acuan

Dalam usaha membangunkan industri pembuatan acuan (*Mold and Die*) di Malaysia, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menjalinkan kerjasama penyelidikan dan akademik dengan National Koahsiung University of Applied Sciences (KUAS), sebuah universiti di Taiwan yang terkenal dengan kepakarannya di dalam bidang kejuruteraan pembuatan pada 3 Ogos 2010 yang lalu di Dewan Bankuet, Canseleri UMP.

Kerjasama ini dijangka dapat mengembangkan industri pembuatan tempatan dengan meminimumkan bilangan pengambilan kepakaran asing serta mengurangkan kebergantungan kepakaran dari luar negara.

Keupayaan tenaga mahir tempatan dan pakar dalam pembuatan acuan ini juga akan menyokong ke arah perkembangan industri automotif negara.

Majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) ini menyaksikan UMP diwakili Naib Canselornya, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus.

Manakala, KUAS diwakili oleh Presiden KUAS, Profesor Chun-Hsiung Fang dan

Pengerusi Jabatan Kejuruteraan Pembuatan (*Mold and Die*), Profesor Cheng-Hsien Wu.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, kerjasama ini juga membolehkan UMP mendapatkan tenaga pakar dalam bidang pembuatan acuan (*Mold and Die*) sebagai Profesor Pelawat di universiti ini.

"UMP juga telah memulakan program pembelajaran *Die and Mold* sebagai subjek elektif bagi pelajar tahun tiga di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan pada semester ini.

"Kerjasama dengan pihak KUAS ini diharapkan mampu mengangkat keupayaan dan kepakaran UMP dalam pengembangan pengajaran, penyelidikan dan pembangunan bidang *Die and Mold* di UMP," kata beliau.

Menurutnya, pada masa ini, Pusat Kecemerlangan Automotif bekerjasama dengan pihak industri yang terlibat dalam industri pembuatan acuan dengan menjalankan penyelidikan di kalangan pelajar pascasiswazah dan menawarkan kursus diploma dalam bidang berkenaan.

Beliau mengharapkan kerjasama dengan pihak KUAS ini akan melibatkan bidang kerjasama berkaitan kejuruteraan automotif, kejuruteraan elektrik dan

elektronik pada masa akan datang.

Sementara itu, Presiden KUAS, Profesor Chun-Hsiung Fang dalam ucapannya berkata, beliau mengharapkan jalinan kerjasama yang melibatkan bidang penyelidikan, pertukaran pelajar dan pengajian program pascasiswazah ini akan memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak.

Delegasi KUAS yang dihadiri Ketua Pengarah, Pusat Industri Akademik, Profesor Jinn-Jong Sheu dan Pengarah Pejabat Antarabangnya, Profesor Chun-Hsien Kuo turut berkesempatan melawat sekitar Makmal Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abd. Aziz, Penolong Naib Canselor (Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti), Profesor Dr. Shamsuddin Baharin, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Pengarah Pusat Kecemerlangan Automotif, Tuan Haji Mohd. Paudzi Abdullah dan Timbalan Dekan, Jabatan Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi, Profesor Madya Dr. Wan Azhar Wan Yusoff.

# UMP, PSIP muafakat perkasakan agenda kesukarelawanan

Bagi melahirkan graduan yang memiliki keseimbangan yang holistik meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek, Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengorak langkah menjalinkan hubungan dengan rakan strategiknya, Persekutuan Seruan Islam Perak (PSIP) pada 29 Jun 2010 yang lalu.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato` Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, keseimbangan holistik ini membolehkan graduan universiti mempunyai nilai tambah sebagai pewaris pimpinan dalam menerajui pembangunan Malaysia pada masa depan.

"UMP akan menawarkan kursus-kursus pengajian sepanjang hayat, keusahawanan dan menjalankan program khidmat masyarakat dengan kerjasama PSIP," katanya.

Dato` Dr. Daing Nasir berkata, UMP mempunyai pusat tanggungjawab yang berupaya berperanan merealisasikan hasrat ini, antaranya Pejabat Antarabangsa, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK), Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) dan Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIPI).

UMP akan terus merangka strategi dalam memperkasakan agenda kesukarelawanan di kalangan pelajar universiti dengan mengadakan aktiviti yang relevan dan mempunyai nilai tambah.

Manakala, menurut Yang di-Pertua PSIP, Dato` Sheikh Haji Mohamad Nor Mansor Al-Hafiz beliau mengharapkan kerjasama dalam program kesukarelawanan yang melibatkan masyarakat setempat dan warga UMP ini dapat membantu menangani masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat hari ini.

Selain itu, penawaran UMP dalam pengajian sepanjang hayat dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kepada masyarakat di semua peringkat umur.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman yang diadakan di Dewan Tun Abdul Razak, Ipoh, Perak menyaksikan UMP diwakili Naib Canselornya, Profesor Dato` Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pengarah Pejabat Antarabangsa, Dr. Wan Norlidah Al-Qadri manakala Yang di-Pertua PSIP, Dato` Sheikh Haji Mohamad Nor Mansor Al-Hafiz dan Timbalan Yang di-Pertua PSIP, Datuk Abdul Ghani Ngah mewakili PSIP.

Hadir menyaksikan majlis ialah Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Yang Berhormat Dato` Haji Hamzah Zainuddin.





# UMP, Miyazu Perkasakan Industri Pembuatan Acuan



Dalam usaha merencanakan jalinan kerjasama industri, Universiti Malaysia Pahang (UMP), baru-baru ini menandatangani memorandum persefahaman dengan pihak Miyazu (Malaysia) Sdn. Bhd (MMSB) sebagai usaha membangunkan industri pembuatan acuan atau Tools, Dies and Mould (TDM) di Malaysia.

Kerjasama ini dijangka dapat mengembangkan industri pembuatan tempatan dengan meminimumkan bilangan pengambilan kepakaran asing serta mengurangkan kebergantungan kepakaran dari luar negara. Keupayaan tenaga mahir tempatan dan pakar dalam pembuatan acuan ini menyokong ke arah perkembangan industri automotif negara.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir semasa berucap dalam majlis itu berkata, bersesuaian dengan pendekatan UMP sebagai kilang pengajaran (*teaching factory*) serta struktur kurikulum yang menekankan aspek kompetensi dan praktikal, kerjasama ini akan dapat menambah daya saing pelajar bidang kejuruteraan

pembuatan dengan berkongsi kepakaran serta pengalaman pihak Miyazu.

"Kerjasama ini juga memberi peluang bagi kakitangan MMSB untuk meningkatkan kemahiran dan pembelajaran melalui skim perantisan dan ijazah lanjutan di UMP.

"UMP merancang melantik tenaga pakar dalam bidang TDM ini dari universiti luar negara dengan menjalinkan kerjasama dengan pihak Kaohsiung University of Applied Sciences di Taiwan, Seoul National University of Technology dan Iwate University di Korea Selatan tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata, inisiatif ini mampu mengangkat keupayaan dan kepakaran UMP dalam pengembangan pengajaran, penyelidikan dan pembangunan bidang TDM ini.

Manakala, menurut Ketua Pegawai Eksekutif Miyazu (Malaysia) Sdn. Bhd. , Amrizal Abdul Majid, selain dari kepakaran dan keperluan peralatan seperti mesin, pihaknya juga sedang membangunkan industri sokongan bagi menguatkan industri TDM ini.

Katanya, usaha ini akan menjadikan

Malaysia lebih kompetitif dalam bidang pembuatan acuan (dies) seperti di negara Jepun dan Korea.

Beliau mengharapkan kerjasama ini dapat memberikan nilai tambah kepada UMP dan MMSB dalam menerajui bidang inovasi dan kreativiti untuk diperkembangkan ke peringkat industri.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) itu menyaksikan UMP diwakili oleh Naib Canselornya, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof. Dato' Dr Mohd Rosli Yunus, manakala, Ketua Pegawai Eksekutif Miyazu (Malaysia) Sdn. Bhd, Amrizal Abdul Majid dan Ketua Pegawai Operasi Miyazu (Malaysia) Sdn. Bhd, Shoichi Araya mewakili pihak MMSB.

Hadir menyaksikan majlis tersebut ialah Lembaga Pengarah Miyazu (Malaysia) Sdn. Bhd, Dato' Zainuddin Che Din, Pengarah Pusat Kecemerlangan Automotif, Haji Paudzi Abdullah, Pengarah Pusat Hubungan Universiti Industri, Profesor Dr. Shamsuddin Baharin dan pegawai UMP dan MMSB.

# Mahasiswa Berinovasi Negara Lestari



Cabaran abad ke-21 menuntut persediaan dan kematangan pemimpin mahasiswa di setiap Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi mengharungi segala perubahan pantas yang berlaku.

Dalam konteks kepimpinan mahasiswa, tumpuan juga wajar diberikan kepada pembinaan dan pembentukan potensi diri, daya usaha dan inovasi serta keyakinan dan sahsiah tinggi selain kemampuan untuk berkomunikasi secara lebih aktif.

Atas matlamat inilah, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bersama Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menganjurkan Konvensyen Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPTA 2010 yang berlangsung di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET) Bangi Selangor pada 8 Ogos 2010 yang lalu.

Konvensyen yang bertemakan 'Mahasiswa Berinovasi Negara Lestari' itu disertai kira-kira 650 peserta dari semua IPTA di Malaysia.

Ia merupakan platform rasmi dalam usaha untuk menemukan ahli MPP dengan tokoh pelbagai bidang bagi membicarakan isu atau permasalahan bersifat kebangsaan dan juga global.

Selain itu, ia juga mampu menjadi wacana terbaik melahirkan generasi pemimpin yang mempunyai jati diri dan inovati.

Para peserta juga turut didedahkan dengan peranan yang perlu dimainkan bagi mencapai agenda semasa kerajaan menerusi Model Baharu Ekonomi yang berasaskan

inovasi dan kreativiti.

Menurut Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, mahasiswa perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran, kebolehan generik berteraskan daya kreativiti dan inovasi juga perlu diperkasakan.

"Mahasiswa yang merupakan ejen perubahan dan penerus pembinaan tamadun perlu menghayati tradisi ilmu, menggiatkan proses pengembangan ilmu, bersifat objektif, peka isu semasa, utamakan perpaduan dan kesatuan fikiran.

"Mahasiswa juga harus bijak mencerna isu dan pemikiran semasa untuk membentuk fikiran masyarakat selain mempertahankan idealism murni.

"Mereka tidak seharusnya pasif, sebaliknya perlu bijak dan kreatif bagi memikirkan apa yang perlu dan boleh dilaksanakan mulai sekarang," katanya ketika berucap merasmikan konvensyen tersebut.

Jelas beliau lagi mahasiswa perlu fikirkan apa bentuk pendekatan yang wajar dibawa dalam menerajui negara pada masa akan datang dan bukan hanya sekadar menurut apa yang dilaksanakan sekarang.

"Jika mahasiswa tidak berani untuk melakukan perubahan, maka usahkah berbicara untuk menjadi pewaris negara pada masa depan.

"Kerajaan sentiasa member tumpuan membangunkan modal insan, tetapi ia

belum menjamin kejayaan jika mahasiswa yang mewakili generasi muda tidak berusaha mencapai kecemerlangan pendidikan.

"Malah, keseimbangan penguasaan ilmu dan agama juga penting bagi mengelakkan mahasiswa daripada terjebak dalam perangkap persepsi atau emosi yang mengaburi pandangan mereka mengenai sesuatu," ujar beliau.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah IPTA KPT, Profesor Dr. Rujhan Mustafa dan Timbalan-timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) IPTA.

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim turut menegaskan bahawa mahasiswa perlu bijak menghayati dan menekuni gagasan 1Malaysia yang tidak sekadar menghasratkan integriti nasional, sebaliknya mendukung penyuburan inovasi.

Katanya, kebangkitan mahasiswa dituntut dengan mentransformasikan watak, mentaliti dan pendekatan agar tidak terpinggir dari gelombang persaingan global yang sengit.

"Negara memerlukan anak muda kental, berkebolehan dan berkeupayaan tinggi dalam menguruskan kepelbagaian serta berani mengambil risiko.

"Mahasiswa juga perlu berani bersuara dan bertindak waras dalam lingkungan kewibawaan dan keserjanaan tanpa dibayangi sebarang pengaruh luar yang boleh memudaratkan mahasiswa dan universiti sebagai menara gading khasnya," katanya.

# Program Kembara Hati Siswa Perdana SeMAMPAN pikat penduduk Kampung Nyentil

Oleh: MOHD NORFARHAN MOHD MUSTAFA



Pengalaman menaiki bot dari jeti Kuala Medang, Kuala Lipis dengan perjalanan mengambil masa selama dua jam untuk sampai ke Kampung Nyentil sudah pasti agak mendebarkan bagi sesetengah pelajar universiti, namun ianya amat bermakna bagi 35 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) termasuk lima pelajar antarabangsa, masing-masing dua dari negara Pakistan dan Bangladesh serta seorang dari negara Indonesia.

Perjalanan melalui kawasan jeram dan melawan arus Sungai Relau yang deras, pastinya menguji keberanian peserta bagi menjayakan misi Program Kembara Hati Siswa Perdana (keHATI) yang berlangsung di sebuah perkampungan yang agak terpencil dan tidak pernah menerima kunjungan luar, iaitu Kampung Nyentil Pos Lanai yang terletak di Kuala Lipis di negeri Pahang Darul Makmur.

Program bersepadu yang julung kali diadakan ini turut

disertai oleh Yang Berhormat Dato' Wan Rosdi Wan Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli Pahang yang juga merupakan penaung jawatankuasa pelaksana bagi program ini serta beberapa agensi luar.

Program lima hari ini bermula dengan acara penyerahan pelajar sebagai anak angkat dengan memberi peluang pelajar untuk tinggal bersama keluarga angkat yang terdiri di kalangan keluarga masyarakat Orang Asli sepanjang program berlangsung.

Para peserta juga dapat beramah-mesra dan mengenali lebih dekat dengan keluarga angkat masing-masing. Semua informasi melalui perbualan dan pengalaman menjalani kehidupan sebagai masyarakat orang asli direkodkan para peserta untuk dijadikan sebagai catatan perjalanan dan rujukan selepas tamat program nanti.

Aktiviti diteruskan dengan

menjalankan program pendidikan berbentuk ceramah motivasi dan aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) kepada anak-anak orang asli. Peserta berpeluang menilai tahap pemikiran kanak-kanak masyarakat asli di sini.

Pada sebelah petang, penduduk kampung berpeluang mengikuti acara senamrobik dan sukaneka seperti boling kelapa, belon air, menyumpit belon dan sebagainya yang dapat mengeratkan hubungan peserta dengan masyarakat Orang Asli.

Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (KEMAS) turut serta menyediakan aktiviti bersama kanak-kanak dan memberi tunjuk ajar teknik mengurut tangan dengan betul serta bersolek di kalangan kaum wanita di sini.

Manakala, pihak Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) membantu dalam memberi khidmat nasihat kesihatan dan menjalankan pemeriksaan darah kepada penduduk kampung.

Tidak ketinggalan, aktiviti *jungle trekking* dengan mengharungi denai-deni hutan dan mendaki bukit sepanjang laluan memberikan pengalaman kepada setiap peserta mempelajari dan menyelami cara hidup orang asli seperti mencari sumber makanan dengan menangkap ikan menggunakan bubu, menyumpit, membuat perangkat, mengambil rebung, mengenali makanan hutan, melawat kawasan padi huma, proses menumbuk padi, mencari siput sedut dan mengenal pasti laluan hutan.

Menariknya, program kali ini memberi peluang kepada masyarakat di sini menonton filem sejarah bertajuk Hati Malaya. Filem ini mengisahkan perjuangan oleh pejuang-pejuang terdahulu menuntut kemerdekaan ke atas Tanah Melayu menarik minat penduduk untuk menonton.

Karnival Kampung Nyentil pada hari keempat program







***“....penganjuran program ini memberi pendedahan kepada peserta untuk mempelajari sesuatu yang baharu serta membentuk kepimpinan pelajar universiti.”***

*- Mohd Norfarhan Mohd Mustafa*

menyaksikan penganjuran aktiviti pertandingan sepak takraw, pertandingan mewarna bagi kanak-kanak, pertandingan menganyam dan pameran dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Lipis.

Sebagai bakal jurutera, pelajar UMP juga bergotong-royong menyiapkan sebuah tandas dan bilik mandi untuk kegunaan semua yang terlibat menjayakan program ini. Selain itu, gelanggang sepak takraw yang dibaik pulih juga boleh digunakan oleh golongan muda masyarakat di sini.

Pada sebelah petangnya pula, pelajar dan penduduk kampung bergotong-royong membuat persediaan mengadakan majlis kenduri. Seekor lembu ditumbangkan untuk disajikan semasa kenduri kampung. Para peserta bersama-sama penduduk kampung melapah dan membuat kerja-kerja dapur.

Pengalaman peserta menghadiri upacara pengislaman

masyarakat orang asli dari kampung berhampiran oleh Kadi Daerah Kuala Lipis telah memberi rasa syukur dan keinsafan di kalangan masyarakat dan peserta program. Menariknya, upacara disusuli dengan majlis akad nikah bagi pasangan yang baharu sahaja memeluk agama Islam.

Peserta program turut mendirikan sebuah pelamin yang diperbuat daripada bahan semula jadi terutamanya pelepah kelapa bagi meraikan pasangan pengantin yang baharu sahaja diijabkabulkan. Majlis diserikan lagi dengan persandingan pengantin baharu di samping acara tepung tawar mengikut adat-istiadat Melayu.

Mengakhiri program, majlis kenduri diadakan malam terakhir dengan dihadiri oleh Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Pahang, Tuan Haji Abdul Wahid Akmal dan juga Pegawai Khas kepada Menteri Besar Pahang, Mustapa Haji Long.

Sebelum berangkat pulang,

aktiviti ziarah ke rumah keluarga angkat diadakan dan disampaikan sedikit sumbangan dan tanda kenang-kenangan. Kemesraan yang terjalin selama lima hari ini pastinya tidak berakhir setakat ini sahaja.

Menurut Pengarah program KeHATI, Mohd Norfarhan Mohd Mustafa, pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, penganjuran program ini memberi pendedahan kepada peserta untuk mempelajari sesuatu yang baharu serta membentuk kepimpinan pelajar universiti.

Sementara itu, rakannya, Nor Adila Said, pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli menyatakan bahawa beliau dan rakan-rakan lain akan terus bersama masyarakat Kampung Nyentil dalam program susulan pada masa akan datang. Pengalaman yang dilalui ini sudah pastinya terpahat di sanubari setiap peserta.

Penganjuran program keHATI oleh Sekretariat Majlis Mahasiswa

Anak Pahang (SeMAMPAN) ini mendapat sokongan dengan kerjasama daripada kerajaan Negeri Pahang, Yayasan Pahang, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) UMP dan Pertubuhan RISDA.

Lain-lain ialah MENTIGA Corporation Berhad, Biro Tatanegara (BTN), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Jabatan Penerangan Daerah Lipis serta Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kuala Lipis.



## Graduan UMP terpilih ceburi industri aeroangkasa

Tiga graduan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) terpilih antara seribu pemohon dan berjaya menempatkan mereka di kalangan 24 peserta perintis program 'Pemimpin Aeroangkasa' yang melayakkan bekerja sebagai jurutera di syarikat yang mempunyai kepakaran dalam pembuatan komponen pesawat di negara ini.

Mereka ialah Hairisuddin Idris, 23, dan

Nurul Husna Md. Sharif, 24, yang merupakan graduan lepasan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kejuruteraan Automotif.

Manakala, Mohd. Zaid Zakaria, 23, adalah graduan lepasan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal.

Penganjuran program perintis ini adalah kerjasama antara pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Kumpulan Industri Malaysia-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), syarikat Spirit Aero Systems Malaysia (Spirit (M), Strand Aerospace Malaysia (Strand) dan Composites Technology Research Malaysia (CTRM).

Menurut Koordinator Program Pemimpin Aeroangkasa dari Might-Meteor Advanced Manufacturing Sdn. Bhd, Marlizan Markali, daripada 500 calon yang layak, hanya 24 peserta yang terdiri daripada 20 lelaki dan empat wanita berjaya memenuhi kriteria serta layak bekerja dengan tiga syarikat pembuatan komponen pesawat yang dinyatakan.

"Bagi membentuk pekerja yang mempunyai kepakaran yang tinggi, mereka ini akan menjalani latihan persediaan terutamanya latihan kemahiran insaniah (*soft skills*), kemahiran berkomunikasi dan kerja teknikal selama 16 bulan sebelum terpilih memasuki syarikat.

"Mereka ini akan dilatih menggunakan perisian CATIA, menjalani latihan teori serta praktikal dalam bidang komposit sehingga mahir dan cekap sebelum ditempatkan di syarikat," katanya.

Sementara itu, menurut Nurul Husna, beliau yang dipilih menyertai syarikat Spirit Aerosystems di Subang berasa amat bertuah setelah bersaing hebat dengan peserta lain yang mempunyai latar belakang bidang aeroangkasa.

Beliau percaya telah membuat pilihan yang tepat berikutan permintaan tinggi terhadap kemahiran dan tenaga kerja dalam bidang ini di pasaran akan datang.

Manakala bagi Mohd. Zaid pula, beliau tidak menyangka minatnya dalam bidang aeroangkasa ini tercapai dengan tawaran yang diterima untuk bekerja dengan syarikat Strand.

Menurut Hairisuddin pula yang ditempatkan di CTRM, pendedahan dalam kemahiran insaniah yang ditetapkan di universiti banyak membantu beliau dan rakan-rakan dalam mendapatkan tempat dalam industri ini.

Hadir sama di Majlis Pelancaran Kursus Kemahiran Insaniah di Agro Resort Semuji ialah Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Ketua Pegawai Operasi, Might-Meteor Advanced Manufacturing Sdn. Bhd., Jasmin Baba, Ketua Pegawai Operasi Strand, Naquib Mohd. Nor, wakil CTRM dan Spirit (M).





## Pasukan UMP sahut cabaran ke pertandingan inovasi dan kreativiti

Empat pasukan motorsport Universiti Malaysia Pahang (UMP), masing-masing dua dari Kelab SAE-UMP Collegiate Chapter dan Mechanical Engineering Profesional Student Club (MECHAPRO), menggunakan kepakaran dan kreativiti dalam menghasilkan ciptaan dan ubah suai kenderaan.

Penghasilan kreativiti ini dapat disaksikan apabila pasukan ini mempamerkan kenderaan yang diubah suai dan ciptaan kenderaan berinovasi dalam majlis pelepasan kenderaan yang disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bertempat di Dataran Canseleri, UMP Kampus Gambang pada 22 Jun 2010 yang lalu.

Hadir sama menyaksikan majlis, Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Bendahari, Zainudin Othman, Penolong Naib Canselor Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Ketua Timbalan Pendaftar, Jabatan Penyelidikan & Inovasi, Datin Fazia Ali, dan Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar UMP, Mohd. Aedlan Nur Ahmad. Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, pasukan SAE-UMP Chapter ini akan menyertai

Pertandingan Perodua Eco-Challenge Race 2010 anjuran Perodua bersama Petronas.

Pasukan ini menggunakan kereta Perodua Viva Elite 1.0 dengan transmisi automatik yang disumbangkan oleh pihak Petronas semasa majlis serahan kereta yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Dato' Prof. Ir Radin Umar Radin Sohadi Mac lalu.

Selain itu, tiga pasukan lain turut serta dalam pertandingan Educational Innovation of Motorsport & Automotive Race (EIMARace) anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan pertandingan Shell Eco-Marathon Asia 2010 pada Julai ini.

Beliau berkata, penganjuran program ini dapat melahirkan bakal jurutera yang kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana dan cekal menghadapi cabaran mendatang.

Katanya, UMP yang beroperasi di Pekan dan Gambang ini mampu menyediakan pendidikan teknikal melangkaui kehendak berkepentingan serta menawarkan program akademik yang cemerlang.

“Persekitaran yang kondusif juga

menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan pelajar,” kata Daing Nasir.

Sementara itu, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Profesor Dr. Rosli Abu Bakar berkata, program dapat mempamerkan kebolehan pelajar UMP dalam menganalisis kebolehan serta keupayaan mereka dalam bidang mekanikal dan automotif.

“Pasukan ini dipilih berdasarkan daya kreativiti dan inovasi yang ditunjukkan oleh peserta dengan berobjektifkan penjimatan bahan api.

Pemenang akan dipilih berdasarkan jarak perjalanan paling jauh dengan menggunakan 1 liter Petrol Petronas Primax 95.

Katanya, pasukan SAE-UMP Chapter berjaya mendapat tempat kedua dalam pertandingan Perodua Eco-Challenge dalam kategori Transmisi Manual Jarak Jauh dalam penganjuran pertandingan ini tahun lalu.

Selain UMP, 12 institusi pengajian tinggi (IPT) merebut kejuaraan dalam Perodua Eco-Challenge Race 2010 yang diadakan pada 26 Jun di Melaka International Motorsports Circuit.



Buat julung kalinya, kumpulan pertama seramai 25 pelatih kor Sukarelawan Polis Siswa dan Siswi (SUKSIS) Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima pentauliah dengan pangkat Inspektor oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Tan Sri Haji Hassan.

Menurut Komandan Kor SUKSIS UMP, ACP/KS Profesor Dr. Abdul Jalil Borham berkata, semua pelatih yang menjalani latihan selama tiga tahun ini berjaya menamatkan ujian dengan cemerlang serta menepati syarat sebagai mana yang ditetapkan untuk ditauliahkan sebagai Inspektor Polis.

“Pelatih-pelatih ini telah berjaya menjalani saringan tapisan keselamatan, latihan fizikal, latihan undang-undang, ujian menembak dan latihan kepemimpinan bagi memastikan kumpulan pelatih ini memiliki kemahiran yang sama sebagai anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sempena istiadat itu, Inspektor Mohd Sani Idris dianugerahkan sebagai Pelatih Keseluruhan Terbaik. Beliau merupakan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), UMP.

Menurut Mohd. Sani yang meminati bidang badan beruniform sejak di bangku sekolah lagi, beliau begitu gembira dengan penganugerahan yang diterima dan memberikannya lebih bersemangat untuk menjalankan tugas berbakti kepada masyarakat.

Dalam majlis tersebut, Pemangku Raja Perak, Raja Nazrin Shah bertitah, mahasiswa yang menyertai kor SUKSIS ini akan dapat membantu pasukan polis mengumpulkan maklumat dan menjalankan kajian serta penyelidikan membanteras jenayah dan gejala sosial.

Titah baginda, mahasiswa merupakan generasi yang memiliki idealisme dan berpengetahuan tinggi. Pemikiran dinamik dan radikal siswa-siswi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) wajar diterokai untuk memberi input dalam menambah baik usaha dan memartabatkan imej polis.

Cetusan idea baharu daripada golongan generasi muda ini menghasilkan pemikiran kreatif membolehkan pasukan polis sentiasa berada di hadapan dalam menangani segala bentuk perubahan mendatang.

Raja Nazrin bertitah demikian dalam Majlis Istiadat Perbarisan Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Kor SUKSIS IPT di Padang Kawat PALAPES, Universiti Malaya (UM) baru-baru ini.

Sehingga kini, UMP mempunyai seramai 135 pelatih Kor SUKSIS dengan jumlah 16 orang jurulatih yang diketuai oleh Pegawai Penyelaras Kor SUKSIS, ASP Abdul Samad Othman dan lima orang Pegawai Kehormat sejak ianya ditubuhkan tiga tahun lalu.

Hadir sama Pendaftar UMP, ACP Tuan Haji Mustafa Ibrahim merangkap Timbalan Komandan Kor SUKSIS UMP dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainudin.

## 25 pelatih Kor SUKSIS sulung terima pentauliah





## Mahasiswa merakyatkan seni budaya warisan zaman



“Kecanggihan teknologi yang serba canggih hari ini tidak meminggirkan kebudayaan warisan dan permainan tradisional bagi memupuk nilai-nilai murni dan semangat kerjasama di kalangan generasi muda hari ini,” ujar Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin ketika menyampaikan ucapan sempena Program Merakyatkan Seni Budaya (PMS) IPTA - UMP yang diadakan pada 2 Ogos 2010 di Amphitheatre, Kompleks Perkhidmatan Siswa, UMP.

Program anjuran Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia (KPKK) dan Jawatankuasa Penyelaras Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (JKPKPKK) Negeri Pahang dengan kerjasama UMP itu bertujuan mengekalkan dan memupuk warisan seni budaya kepada pelajar IPT.

Menurut Profesor Dr. Yuserrie, mahasiswa dari luar negara di universiti ini berpeluang mengenali warisan seni budaya di kalangan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia.

Katanya, pihak pengurusan universiti menyokong usaha kerajaan dalam memupuk nilai-nilai murni dalam usaha memulihara

dan mengekalkan warisan seni ini di kalangan generasi muda.

Majlis disempurnakan oleh Ahli Parlimen Paya Besar, Yang Berhormat Dato’ Haji Abdul Manan Ismail. Hadir sama Pengarah Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara, Negeri Pahang, Mohd Sukarno Abdul Wahab.

Dato’ Haji Abdul Manan dalam ucapannya berkata, beliau yakin dengan kekuatan UMP untuk membantu dalam menyemarakkan kesuburan warisan seni budaya melibatkan masyarakat luar kampus.

“Saya menyarankan agar golongan mahasiswa penyambung warisan bangsa hari ini memperbanyakkan program mendekati golongan belia dengan menganjurkan program khidmat masyarakat berkala dan khidmat pendidikan dan kaunseling secara sukarela.

“Kepincangan masyarakat hari dengan penyakit sosial menuntut semua pihak bersatu menyelamatkan masa depan generasi muda dewasa ini,” ujarnya.

Program sehari itu dipenuhi dengan pelbagai acara dan pertandingan antaranya Ekspresi Kanvas 1 Malaysia, Ceramah Penghayatan 1 Malaysia, Senam Seni

Malaysia, Pertandingan Sukan Rakyat seperti Sepak Raga Ratus, Terompah Gergasi, Boling Kelapa, Laga Buah Keras serta Demonstrasi Wau Naik.

Pelajar Republik Rakyat China, Yan Huan, 20, dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) berkata, beliau berpeluang mengikuti senam seni Malaysia ini kerana ianya agak unik dan menggabungkan pelbagai budaya

Sementara itu, pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT), Sasikala A/P Ganaisan, 20, berkata beliau seronok dapat bermain laga buah keras.

“Permainan ini memerlukan kreativiti dan strategi untuk memecahkan buah keras tersebut,” katanya.

Turut diadakan pameran daripada agensi kerajaan melibatkan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pahang, Jabatan Penerangan Negeri Pahang, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Perpustakaan Negeri Pahang dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Pahang.

Lebih 1,000 pelajar hadir menyertai pelbagai acara dan pertandingan sepanjang program berlangsung.



## PERKASA, CHEST juara Debat Piala Naib Canselor

Pasukan debat Persatuan Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (PERKASA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjuarai pertandingan debat Kategori Bahasa Melayu manakala, bagi kategori Bahasa Inggeris diungguli Persatuan Mahasiswa Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (CHEST) dalam Pertandingan Debat merebut Piala Naib Canselor pada 4 Ogos 2010 yang lalu.

PERKASA membariskan pendebat yang terdiri daripada Mohamad Helmi Othman, Iqram Zulkifli dan Wan Mohd. Fakri selaku pihak pembangkang menewaskan barisan pihak pencadang yang terdiri daripada Persatuan Mahasiswa Sains & Teknologi Industri (Scitexs) dengan tajuk Dasar Baharu Ekonomi Semakin Suntut.

Pihak Pencadang terdiri daripada Siti Aisyah Mustapha, Wan Muhammad Muadz dan Qusyairi Hashim yang juga diistiharkan sebagai pendebat terbaik dalam pertandingan pada kali ini.

Sementara itu, pasukan Kategori bahasa Inggeris dianggotai Shamini Gunaseelan, Winson Sia Shen Loong dan Chitra Charan Suri menjuarai pertandingan setelah menewaskan Kelab

Orator UMP yang terdiri daripada Renu Sekaran, Latisha Anthony dan Xian Fu.

Pemenang tempat pertama menerima Piala Pusingan Debat Piala Naib Canselor, wang tunai RM 500, cenderahati dan sijil penghargaan. Hadiah disampaikan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Dalam ucapan perasmian penutup, Profesor Dato' Dr. Daing menasihatkan mahasiswa agar sentiasa mengasah, mempertajam minda dan daya fikir melalui keterampilan watak, personaliti serta pendekatan.

"Pendebatan perlu dilihat dari perspektif yang positif, bukan menjadi medan untuk mencari salah, merendahkan dan mengibaratkan kewibawaan atau menabur fitnah.

Pendebatan berkualiti perlu mempunyai hujah yang bernas, konstruktif dan berdiplomasi merupakan prasyarat membentuk pemimpin berkarisma," katanya.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, Kelab Orator UMP perlu terus menganjurkan program ilmiah, antaranya wacana, forum, kupasan buku dan lain-lain yang mencerminkan ketinggian nilai

ilmu pengetahuan.

Sementara itu, Presiden Kelab Orator UMP yang juga merupakan Pengarah Pertandingan Debat Piala Naib Canselor, Mohd. Adam Salam berkata, pertandingan kali ketujuh ini menghimpunkan seramai 174 peserta mewakili 44 pasukan daripada kelab dan fakulti yang bertanding bagi merebut piala pertandingan ini.

"Pertandingan ini dapat mengasah kemahiran berkomunikasi golongan mahasiswa dan mencungkil bakat baharu," katanya.

Pendebat terbaik, Qusyairi Hashim berkata mereka berlatih dan mencari maklumat secara bersama melalui akhbar, internet, majalah dan sentiasa membuat perbincangan serta strategi bagi memastikan hujah yang disampaikan bernas.

Hadir menyaksikan pertandingan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Rosli Mohd. Yunus, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.



# Pelajar nikmati juadah berbuka puasa percuma sepanjang Ramadan



Lebih 1,000 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dijamu dengan juadah berbuka puasa yang disediakan secara bergilir oleh pelajar dan warga kerja UMP setiap hari sepanjang bulan Ramadan berlangsung.

Tradisi menyediakan juadah berbuka puasa secara bergotong-royong itu dijalankan mengikut giliran bagi setiap jabatan dan fakulti, antaranya melibatkan warga kerja Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Pejabat Naib Canselor, Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik dan lain-lain.

Persiapan kerja yang bermula dengan aktiviti menyang, memasak, menghidang dan mengemas dijalankan serentak di UMP Kampus Gambang dan di Pekan pada setiap hari.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, amalan berbuka puasa beramai-ramai (ifthar jama'ie) di universiti ini dimulakan sejak Ramadan tahun lalu dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar dan warga kerja UMP.

"Malah, pelajar yang bukan beragama Islam turut hadir membantu menyediakan persiapan berbuka puasa dengan rakan lain.

Dato' Dr. Daing Nasir berkata, sumbangan dana, tajaan orang

perseorangan dan badan-badan korporat diurus dengan baik melalui Tabung Aktiviti Ramadan UMP.

Selain itu katanya, warga kerja universiti juga diberi kemudahan menyumbang dengan membuat potongan gaji bulanan.

"Tahun ini buat julung kalinya program ini dapat dilaksanakan di UMP Pekan yang kini menempatkan seramai 648 pelajar tinggal di kolej kediaman sejak Julai lalu," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIPI), Dr. Hasan Ahmad berkata, pendekatan menyediakan juadah secara bergotong-royong ini dijalankan mengikut jadual dan giliran setiap jabatan di UMP.

"Pelbagai menu menarik disediakan menggunakan wang peruntukan sebanyak RM3,000 sehari di dalam kampus Gambang dan Pekan.

"Menariknya, juadah dihidangkan di dalam talam seperti amalan sunnah Rasulullah SAW dan boleh dijamu kepada empat hingga lima orang," katanya

Tambah Dr. Hasan lagi, program ini dapat memupuk membudayakan nilai positif di kalangan warga UMP dengan menyuburkan kebajikan melalui amalan bersedekah di samping mengukuhkan semangat bergotong-royong dalam menyediakan jamuan berbuka puasa.

***"Program ini dapat memupuk membudayakan nilai positif di kalangan warga UMP dengan menyuburkan kebajikan melalui amalan bersedekah di samping mengukuhkan semangat bergotong-royong dalam menyediakan jamuan berbuka puasa."***

- Dr. Hasan Ahmad

## 870 pelajar curah bakti di Kampung Tanjung Selangor

Peluang berinteraksi 870 mahasiswa dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan penduduk Kampung Tanjung Selangor di Pekan dalam program khidmat komuniti baru-baru ini mampu mendekatkan jiwa mahasiswa terhadap aktiviti kesukarelawanan dengan masyarakat kampung.

Penganjuran aktiviti gotong-royong membersihkan Pantai Air Leleh, mengadakan program motivasi bersama pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan Serandu dan aktiviti memasak juadah makan tengah hari bersama-sama dengan penduduk kampung Tanjung Selangor mewujudkan suasana harmoni di kalangan warga baharu mahasiswa ini.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, mahasiswa yang merupakan bakal jurutera dan teknokrat masa depan ini perlu melunaskan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Menurutnya, agenda kesukarelawanan ini perlu diberi perhatian strategik dengan menggerakkan aktiviti yang tidak hanya terhad dalam konteks yang sedia ada sahaja.

"Pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Majlis Perwakilan Pelajar dan pemimpin mahasiswa perlu menggerakkan aktiviti kesukarelaan dalam cabang yang lain. "Nilai tambah yang terhasil daripada penyertaan mahasiswa ini akan membentuk pembinaan sahsiah, jati diri dan pekerti para mahasiswa untuk menjadi warganegara yang berguna dan

bertanggungjawab.

Secara tidak langsung aktiviti ini dapat mengukuhkan daya ketahanan mahasiswa yang bakal bergelar jurutera dan teknokrat untuk melakukan sesuatu yang mencabar minda yang tidak hanya bersifat stereotaip," katanya.

Sementara itu, Penolong Naib Canselor Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, Pantai Air Leleh dan Kampung Tanjung Selangor dipilih sebagai lokasi program berdasarkan keperluan penduduk pelbagai bangsa dan kedudukan kampung berhampiran dengan UMP Pekan.

Ketua Kampung Tanjung Selangor, Abdul Mutalib Latif pula berkata, pihaknya mengharapkan aktiviti sebegini dapat diteruskan dengan lebih kerap supaya mendekatkan mahasiswa dengan masyarakat di sini.

Sejak UMP beroperasi setahun yang lalu, masyarakat sekitar turut merasai kesan pembangunan yang amat baik kepada penduduk kampung.

Menurutnya, penduduk dapat meningkatkan taraf ekonomi dengan berkembangnya industri asas tani dan kesan pendidikan anak-anak di kampung berdekatan.

Turut serta dalam program ini ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Ir. Zulkeflee Khalidin, Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri, Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff dan Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung Tanjung Selangor, Nasir Hamzah.







# 100

## pelajar semarakkan semangat sukarelawan

Semangat sukarelawan di kalangan mahasiswa akan mewujudkan rasa kebersamaan (*esprit de corps*) yang kukuh dalam mengeratkan perpaduan bangsa dan komitmen kepada negara.

Justeru, sebagai menyemarakkan rasa kebertanggungjawaban ini Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Program Khidmat Masyarakat & Pendidikan selama empat hari di kampung Tekek, Kampung Paya dan Kampung Genting, Pulau Tioman baru-baru ini.

Penganjuran program ini dibuat bersempena penglibatan pelajar UMP sebagai sukarelawan dalam menjayakan program Sultan Ahmad Shah International Eco-Challenge 2010 (SASTIEC 2010)

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan (*volunteerism*) membantu dalam pembangunan kerjaya mahasiswa pada masa hadapan.

"Kelasakan dan ketahanan mahasiswa turut dipengaruhi oleh keikhlasan dan kesukarelaan sebagai pemimpin generasi akan datang.

Beliau mengharapkan agar mahasiswa universiti dapat mencapai satu tahap yang lebih tinggi, merentasi sempadan dan mengungguli agenda kemanusiaan hingga ke peringkat antarabangsa.

Katanya, antara yang boleh dijalankan meliputi program perlindungan haiwan, konservasi alam sekitar, bantuan bencana, advokasi kesejahteraan kanak-kanak, wanita dan orang tua serta kaunseling komuniti.

Sementara itu, Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) UMP, Profesor Dr. Abd Jalil Borham berkata, peserta sukarelawan mengambil inisiatif membersihkan kampung dan pesisiran pantai agar pengunjung terutamanya pelancong luar negara dapat menikmati keindahan ketika berkunjung di Pulau Tioman yang merupakan destinasi pelancongan terkemuka dunia.

"Mahasiswa yang cemerlang bukan saja berjaya memperoleh keputusan peperiksaan yang baik tetapi turut serta dalam aktiviti kampus bagi membolehkan mereka mencurahkan bakti kepada masyarakat sekitar yang serba kekurangan.

Sebagai tanda prihatin mahasiswa kepada masyarakat setempat, seramai sepuluh penduduk kampung Tekek yang kurang bernasib baik menerima sumbangan berbentuk makanan dan keperluan harian sempena program sukarelawan berkenaan.

Seorang penerima sumbangan, Mat Siah Mak Walau, 80, berkata, beliau bersyukur atas keperhatian dan sumbangan ini yang sedikit sebanyak akan meringankan bebanan mereka sekeluarga.

Sementara itu, seorang pelajar dari SMK Tekek, Nabela Tajul Arus, 15, berkata program sebegini amat menyeronokkan dan merupakan penyertaan sulung beliau.

Program motivasi turut mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 100 pelajar sekolah dari pelbagai peringkat pendidikan dari Kampung Tekek.

Penganjuran Program Khidmat Masyarakat & Pendidikan ini mendekati mahasiswa UMP dengan masyarakat setempat selaras dengan gagasan 1Malaysia yang disaran oleh Perdana Menteri Malaysia.



# X-plorasi berakit UMP-KPT himpun 455 peserta IPT

Seramai 455 perakit daripada 35 pasukan rakit institusi pengajian tinggi (IPT) selamat tiba di Pekan Riverfront sebagai destinasi terakhir menamatkan X-Plorasi berakit IPT 1Malaysia melibatkan sembilan institusi pengajian tinggi awam (IPTA), tujuh Kolej Komuniti, tiga Politeknik, lima rakit dari UMP, sebuah rakit dari KPT dan 10 rakit mewakili IPTS seluruh negara.

Program yang julung kali diadakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu bermula pada 11 hingga 15 Mei 2010. Ekspedisi singgah di Kampung Kuala Triang, Bera, Kampung Pesagi di Maran, Kampung Belimbing dan Kampung Kiambang, Gancong di Pekan sebelum berlabuh di Pekan Riverfront, Pekan Pahang.

Acara bermula apabila semua peserta berkampung menghias rakit di tapak perkemahan di kampung Bangau Tanjung,

Temerloh pada 9 hingga 10 Mei sebelum berlepas dari Taman Esplanade Temerloh

Majlis perasmian disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, YB Dato' Saifuddin Abdullah.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pegawai Daerah Temerloh, Dato' Dr. Salehuddin Ishak dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Temerloh, Dato' Haji Zulkifli Haji Yaakob.

Menurut Dato' Saifuddin Abdullah, penganjuran berakit ini melambangkan sinergi berterusan antara pihak KPT dan IPTA serta wadah penyatu pelbagai IPT dalam mengharungi cabaran berakit di Sungai Pahang.

"Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berusaha untuk melahirkan graduan yang memiliki ciri-ciri dalam kecemerlangan dalam bidang intelektual, spiritual, pencapaian akademik dan kokurikulum.

"Pelajar IPT berpotensi membina kecemerlangan bukan sahaja dalam bidang sukan malah aktiviti rekreasi seperti berakit yang dapat meningkatkan kecergasan intelek dan fizikal ke arah amalan hidup sihat.

"Kesempatan ini akan dijadikan medan interaksi antara peserta yang datang dari pelbagai IPT serta melebarkan jaringan persahabatan semangat 1 Malaysia," katanya.

Beliau berkata, penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum bukan sahaja perlu aktif malah perlu sampai ke tahap pakar dalam bidang yang diceburi.

Katanya, mulai tahun 2010 pihak kementerian pengajian tinggi telah memperkenalkan my3s yang merupakan skala kemahiran insaniah pelajar Malaysia.

Tujuh nilai kemahiran insaniah (*soft skills*) yang ditekankan ialah kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dalam penyelesaian masalah, pembelajaran

***"Pelajar IPT berpotensi membina kecemerlangan bukan sahaja dalam bidang sukan malah aktiviti rekreasi seperti berakit yang dapat meningkatkan kecergasan intelek dan fizikal ke arah amalan hidup sihat."***

- Dato' Saifuddin Abdullah





berterusan, pengurusan maklumat, keusahawanan, moral profesional dan kepimpinan.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, berkata, Eksplorasi Berakit ini menguji sejauh mana kekuatan fizikal dan mental serta kebolehan para pelajar dalam menyertai ekspedisi dengan jarak 192 km dari Temerloh ke Pekan Riverfront.

Beliau berkata, program yang menyatukan semua pelajar IPT dari pelbagai negeri ini akan menikmati keunikan pengalaman menghilir Sungai Pahang dengan menaiki rakit yang popular pada zaman dahulu.

"Program ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar IPT terhadap kehidupan sebenar masyarakat kampung.

"Setiap peserta disambut oleh penduduk kampung di setiap lokasi perhentian dan pelajar berpeluang beramah mesra dengan

masyarakat setempat serta mendalami budaya dan aktiviti kemasyarakatan. Komitmen peserta dan anggota sokongan termasuk urus setia, teknikal, paramedik, penyelamat dan keselamatan berjaya menjadikan ekspedisi berjalan mengikut jadual," katanya.

Menurut peserta dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UMP, Azrol Azam Nizarudin berkata, beliau berharap program ini dapat dijadikan acara tahunan.

"Pelajar bukan sahaja dapat berkongsi pengalaman dan berkenalan antara pelajar malah mereka boleh mempertingkatkan kemahiran berakit dan cekal menghadapi cabaran," katanya.

Seorang lagi peserta dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Mohamad Riduwan Suroso berkata, program ini dapat mengaplikasikan ilmu kejuruteraan dalam menghasilkan kreativiti dan inovasi dalam memastikan rakit dapat meluncur di air.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Pembangunan Koperasi Negeri Pahang, YB Dato' Haji Ishak dalam majlis penutup di Pekan Riverfront.

Kolej Komuniti Rompin dinobatkan penerima Anugerah 'Rekaan Rakit Berinovasi' diikuti Naib Johan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak dan Kolej Komuniti Selandar Melaka di tempat ketiga.

Anugerah 'Semangat 1 Rakit 1 Malaysia' dimenangi oleh UTM, Naib Johan dimenangi oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kor-Suksis UMP di tempat ketiga.

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dipilih sebagai Johan bagi kategori Anugerah 'Pengemudi Rakit Terbaik'. Tempat kedua dimenangi oleh Politeknik Seberang Perai dan KUIS di tempat ketiga.



#### KEPUTUSAN PERTANDINGAN X-PLORASI BERAKIT KPT- UMP 1 MALAYSIA

##### Anugerah Rekaan Rakit Berinovasi

- |    |                                            |              |
|----|--------------------------------------------|--------------|
| 1. | Kolej Komuniti Rompin                      | - Johan      |
| 2. | Universiti Islam Antarabangsa Gombak       | - Naib Johan |
| 3. | Kolej Komuniti Selandar Melaka             | - Ke-3       |
| 4. | Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) | - Saguhati   |
| 5. | Politeknik Seberang Perai                  | - Saguhati   |

##### Anugerah Semangat 1Rakit 1Malaysia

- |    |                                                       |              |
|----|-------------------------------------------------------|--------------|
| 1. | Universiti Teknologi Malaysia (UTM)                   | - Johan      |
| 2. | Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) A | - Naib Johan |
| 3. | Kor- Suksis Universiti Malaysia Pahang (UMP)          | - Ke-3       |
| 4. | Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) B | - Saguhati   |
| 5. | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kuantan (B)    | - Saguhati   |

##### Anugerah Pengemudi Terbaik

- |    |                                                |              |
|----|------------------------------------------------|--------------|
| 1. | Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) | - Johan      |
| 2. | Politeknik Seberang Perai                      | - Naib Johan |
| 3. | Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor   | - Ke-3       |
| 4. | Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UMP            | - Saguhati   |
| 5. | Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia          | - Saguhati   |

Kejohanan Sukan Staf Antara IPTA Malaysia (SUKUM) telah berlangsung dengan jayanya pada 15 hingga 26 Jun 2010 yang bertempat Universiti Sains Malaysia (USM).

Dalam kejohanan tersebut juga, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menghantar penyertaan untuk mewakili beberapa acara yang dipertandingkan seperti sepak takraw, bola jaring, bola tampar, futsal, hoki, karom dan olah raga.

Kejohanan kali ini juga menyaksikan pasukan UMP telah berjaya mengaut emas pingat secara keseluruhannya iaitu dua daripadanya adalah pingat perak, selebihnya adalah pingat gangsa. Pingat perak ini diraih oleh Pasukan Futsal Senior UMP dalam perlawanan akhir dengan pasukan dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang diadakan di Safira Spot Planet Seberang Perai.

Manakala satu lagi pingat perak disumbabangkan oleh atlet olah raga iaitu Shahanor Firdaus Ismail dalam acara lompat jauh kategori lelaki dan dalam acara 100m kategori lelaki, beliau telah berjaya mendapatkan pingat gangsa bersama-sama seorang lagi atlet olahraga wanita yang turut berjaya meraih pingat gangsa dalam acara 4x100m bagi kategori wanita.

Bersempena dengan kejohanan ini juga, satu Majlis Pelepasan dan Penyerahan Bendera Kontinjen UMP telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, yang telah hadir untuk merasmikan pelepasan para peserta UMP untuk menyertai kejohanan ini.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, seramai 110 atlet mengambil bahagian dalam lapan acara sukan sempena kejohanan SUKUM ke-35 pada kali ini.

Katanya, pemilihan atlet pada kali ini dibuat berdasarkan prestasi yang baik dan memuaskan semasa penganjuran SUKUM sebelum ini yang diadakan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada tahun lalu.

Beliau berkata, penglibatan sukan ini merupakan satu platform yang baik dalam mengembangkan bakat sukan dan melahirkan warga universiti yang sentiasa sihat, cergas dan mengekalkan semangat muhibah di kalangan peserta yang terdiri daripada daripada seluruh IPT awam di Malaysia.

"Penyertaan tahun ini merupakan titik permulaan yang baik bagi UMP untuk bersaing dalam meningkatkan pembangunan sukan di kalangan staf seterusnya menaikkan nama universiti setanding IPTA lain," katanya selepas merasmikan Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen UMP di Dewan Bankuet, Kompleks Pentadbiran Utama, UMP Kampus Gambang baru-baru ini.

Sementara itu, Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim, selaku Presiden Persatuan Wanita UMP (Matahari) telah menyampaikan sumbangan berupa 1,000 botol air minuman sebagai tanda memberi sokongan kepada kontinjen UMP supaya mendapat tempat terbaik dalam kejohanan ini.

Pengajuran SUKUM kali ini menyaksikan 28 acara dipertandingkan, termasuk lima acara pertunjukan. Lain-lain acara ialah *paintball* lelaki dan wanita, senamrobik lelaki dan wanita dan beberapa acara khas untuk orang kurang upaya (OKU).

Dalam kejohanan ini, UMP mengambil bahagian dalam acara Acara Sepak Takraw, Bola Jaring, Bola Tampar Lelaki dan Wanita, Hoki, Futsal, Olah Raga dan Karom yang dijangka dapat mencipta kemenangan.

## Pasukan Futsal Senior dan olah raga beraksi cemerlang di **SUKUM Ke-53**



# Moh Main Boling

## jalin kemesraan UMP dan Media Pahang



Jalinan kemesraan antara Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Kelab Media Pahang diperkukuhkan lagi dengan penganjuran Majlis Mesra Media bertemakan “Moh Main Boling UMP-Media ‘1 Strike’ “ yang dihadiri seramai 120 orang di kalangan pengurusan UMP dan pengamal media negeri Pahang di Premium Lanes, Kuantan Plaza pada 1 Julai 2010 yang lalu.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program yang diadakan buat kali ketiga ini bertujuan mengeratkan hubungan silaturrahim antara UMP dan dijadikan sebagai aktiviti bersama dengan pihak Kelab Media Pahang.

Sementara itu, Ketua Kelab Media Pahang, Nik Naizi Husin berkata, aktiviti seumpama ini akan membolehkan pihak pengamal media dapat berkenalan lebih rapat lagi dengan pihak pengurusan universiti.

Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir dan Nik Naizi Husin mendahului balingan bagi menandakan pertandingan bermula.

Dalam pertandingan ini, staf Pejabat Naib Canselor UMP iaitu Abd. Rahman Safie, Mohd. Rozmillah Othman, Khairu Aidilnishah Rizan Jalil dan Erina Kamaruzzaman menjuarai tempat pertama.

Diikuti, Naib Johan dimenangi kumpulan yang terdiri daripada Fauzi Hamid (New Straits Times), Shahrinnahar (Utusan Melayu), Bazaei (TV3) dan Mahadi (RTM).

Manakala, tempat ketiga terdiri daripada Razalina (Utusan Melayu), Rizal (RTM), Shahrul (Harian Metro) dan Woo Yik Yoo (The China Press).

Lain-lain kategori yang dipertandingkan, antaranya hadiah tiga pasukan terbaik, individu lelaki dan wanita terbaik, pasukan paling ceria dan juara longkang mengikut jatuhan pin terendah.

Abd. Halim Haron dari Sinar Harian dan Eriena Kamaruzzaman dari UMP masing-masing memenangi hadiah individu terbaik dengan jatuhan pin sebanyak 526 dan 478.

Pasukan Paling Ceria pula dianugerahkan kepada kumpulan yang terdiri daripada gabungan peserta UMP, Kosmo, Bernama dan RTM, iaitu Suriani, Hanapi, Faizul dan Rokiah Abdullah yang sentiasa menggamatkan suasana.

Kemeriahan lebih dirasai dengan hadiah cabutan bertuah berupa televisyen tajaan Persatuan Wanita UMP (Matahari) yang dimenangi oleh Shahrol dari Harian Metro dan Mimi Tan dari The Star menerima tiket penerbangan ke Langkawi.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato’ Dr. Rosli Mohd. Yunus, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abd. Aziz, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim dan Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee.

Turut hadir Ketua Biro Negeri Pahang, Zahir Senapiah (TV3), Simon Khoo (The Star), Zulkhairil Zainuddin (Sinar) dan Zaitie Satibi (Harian Metro).





# UMP Di Puncak Malaysia

Oleh: AL-MUHAIMIN ALI

Kemuncak kejayaan bagi semua peserta Ekspedisi Gunung Kinabalu 2010 – “UMP Di Puncak Malaysia” adalah apabila berjaya menawan puncak tertinggi di Malaysia iaitu Gunung Kinabalu, Sabah dengan ketinggian 4,095.2 meter atau 13,435 kaki pada jam 5.43 pagi 18 Julai 2010 yang lalu.

Penat lelah ini berbaloi setelah hampir enam bulan para pendaki Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalani latihan mental dan fizikal dengan terlibat tiga pendakian gunung di semenanjung Malaysia adalah apabila berjaya menawan puncak tertinggi di Malaysia iaitu Gunung Kinabalu, Sabah dengan ketinggian 4,095.2 meter atau 13,435 kaki pada jam 5.43 pagi 18 Julai 2010 yang lalu.

Ekspedisi anjuran Badan Kebajikan & Sukan Staf (BKSS) dengan kerjasama Pusat Sukan, Pusat Kokurikulum UMP dan Pusat Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu melibatkan seramai 15 staf UMP yang terdiri daripada 12 lelaki dan tiga wanita dengan purata umur di kalangan pendaki adalah antara 23 tahun hingga 59 tahun.

Para pendaki UMP tiba di Kota Kinabalu,

Sabah pada 16 Julai 2010 dan telah menginap di Rock Hostel, Kinabalu Park sebelum memulakan pendakian ke Laban Rata melalui Timpohon Gate jam 9 pagi pada 17 Julai 2010 dan telah tiba di Laban Rata pada jam 3.30 petang dalam keadaan hujan yang agak lebat dengan suhu mencecah 9 hingga 11 darjah celsius. Setelah pendakian enam jam 30 minit di dalam keadaan hujan dan cuaca yang agak sejuk para pendaki UMP seterusnya bermalam di Gunting Lagadan Hut, Laban Rata dengan ketinggian 3,323.2 meter atau 11,000 kaki dari paras laut.

Cabaran kepada pendaki bermula apabila pendakian ke puncak Gunung Kinabalu bermula pada jam 2.30 pagi 18 Julai 2010 dalam keadaan suhu tujuh hingga sembilan darjah celsius dan kelajuan tiupan angin sekitar 50 hingga 60 km/j. Kesemua pendaki perlu melapor diri di *check-point* terakhir iaitu di Pondok Sayat-Sayat pada ketinggian 3,810 meter atau 12,500 kaki dari paras laut.

Dalam keadaan suhu lima hingga tujuh darjah celsius dan kelajuan tiupan angin 60 hingga 80 km/j di puncak Gunung Kinabalu, pada 18 Julai 2010 jam 5.43 pagi, kejayaan dan

kepuasan jelas terukir di wajah para pendaki apabila berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu iaitu *Low's Peak* dengan ketinggian 4,095.2 meter atau 13,435 kaki dari paras laut sebelum meneruskan perjalanan pulang ke Gunting Lagadan, Laban Rata pada jam 7 pagi dan telah tiba di Kinabalu Park pada jam 3.30 petang.

Kejayaan ini terhasil daripada semangat setiakawan, kerjasama berpasukan dan komitmen yang tinggi dari semua pendaki tanpa mengira status dan pangkat dalam usaha menayakan ekspedisi ini.

Kejayaan ini juga turut membuktikan bahawa staf akademik dan bukan akademik mampu bekerjasama dengan baik dalam usaha menaikkan nama UMP di peringkat tertinggi selain daripada bidang pendidikan, penyelidikan, kajian dan sukan.

Seterusnya pada 5 Ogos 2010, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim telah menyampaikan sijil penghargaan kepada semua pendaki dalam satu majlis minum petang bagi meraikan kejayaan mereka di Dewan Bankuet Canseleri.

# Ida Nuryani kini Jurutera Operasi Shell Malaysia

OLEH: AHMAD REDUAN MOHD YUSOF

Setelah hampir tiga tahun bergelar graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Ida Nuryani Ibrahim sudah pasti amat bangga dengan segulung ijazah yang diterimanya hasil pembelajaran di UMP apabila berjaya menjawat jawatan sebagai Jurutera Operasi di Shell Malaysia yang berlokasi di Sarawak sememangnya diketahui antara syarikat gergasi di peringkat antarabangsa.

Prestasinya yang cemerlang sewaktu berkhidmat di sana telah memberi peluang kepada beliau melebarkan kariernya ke negara Belanda bagi mendalami ilmu kejuruteraan selama dua bulan mulai Ogos hingga September 2009.

Bekas graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas), Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) ini bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah penglibatannya dalam bidang kokurikulum juga amat dikagumi sehingga pernah mengendalikan lawatan akademik ke Jerman.

Selain itu, beliau yang pernah menjadi Pengarah Program *Germany International Technology & Engineering Exposure 2008* (GITEK'08) yang diterajui bersama Dekan FKKSA Profesor Madya Zulkafli Hassan sebagai Penasihat Program dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) telah membuktikan bakat kepimpinan yang diasah oleh UMP telah memberi kelebihan buat beliau dalam realiti sebenar dunia pekerjaan.

Menurut beliau lagi, pengalaman di UMP secara tidak langsung telah memudahkan beliau untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai petugas di *barge* dan *rig* (*offshore*) yang pastinya perlukan kepakaran dalam kepimpinan dan pemantauan terhadap pekerja-pekerja di bawah jagaannya.

“Antara lain-lain tugas yang diamanahkan yang dipertanggungjawabkan kepada saya ialah menyediakan jadual pergerakan kapal, pelan operasi harian dan pelbagai lagi,” katanya.



## Datuk Aminar Rashid ahli LPU baharu

Pengarah Urusan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (PERODUA), Datuk Aminar Rashid Salleh telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang baharu berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2010 hingga 31 Julai 2012.

Datuk Aminar Rashid merupakan Pengarah Urusan, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) yang juga merupakan ahli Lembaga Kejuruteraan Malaysia, telah berkhidmat di Perodua semenjak November 2009 lalu. Beliau berkelulusan Diploma Eksekutif Pentadbiran Perniagaan dari University of Central Lancashire, United Kingdom.

Sebelum menjawat jawatan sebagai Pengarah Urusan di Perodua, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pengurus Hartanah dan Kemudahan di UMW Toyota Motors Sdn. Bhd., (Julai 1992-Jun 1996), Property and Purchasing Manager di Utusan Melayu (M) Bhd. (Februari 1991-Jun 1992) dan beberapa jawatan lain lagi.

Sidang editor *Create* mengucapkan syabas dan tahniah atas pelantikan beliau sebagai Ahli Lembaga Pengarah UMP yang baharu. Selamat maju jaya dan selamat berkhidmat.



## Profesor Dr. Badhrulhisham TNC (Akademik & Antarabangsa) baharu

Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang baharu selama tiga tahun mulai 1 Jun 2010 hingga 31 Mei 2013. Beliau menggantikan Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd. yang tamat tempoh pelantikannya.

Dr. Badhrulhisham, 47, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Kimia) dari Colorado University, Amerika Syarikat, Sarjana (Kejuruteraan Kimia) dari University College of Wales (Swansea), di United Kingdom dan PhD (Kejuruteraan Kimia) dari Kyoto University, Jepun memulakan kerjaya akademik sebagai tutor dan pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Beliau juga mempunyai pengalaman luas dalam sektor industri dengan berkhidmat sebagai Pengurus Kanan (*Operation and Health Safety Security Environment* (HSSE) di SKS Refinery Sdn. Bhd. dan juga sebagai Pengurus Operasi di Cabot Material Research Sdn. Bhd.

Beliau seterusnya bertugas sebagai

pensyarah dan dilantik menjadi profesor di UMP. Sepanjang bergelar ahli akademik, Dr. Badhrulhisham banyak menjalankan kajian penyelidikan serta membentangkan kertas kerja dalam dan luar negara dalam bidang kejuruteraan kimia.

Selain pernah dilantik sebagai perunding kepada pihak *Palm Oil Registration & Licensing Authority* (PORLA) dalam menetapkan kriteria kualiti dan standard kilang minyak sawit di Malaysia, beliau juga adalah perunding dalam pembangunan bioteknologi yang dilantik oleh kerajaan negeri Pahang Darul Makmur.

Berpengalaman luas dalam bidang akademik dan industri memberikan kelebihan kepada beliau untuk menyandang jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) pada tahun 2005 dan terbaharu diamanahkan menerajui Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK) di UMP sebelum dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UMP.



## Pelantikan Baharu/Penyambungan Jawatan Giliran



**Profesor Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**  
Penolong Naib Canselor  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni  
21 Jun 2010 sehingga 20 Jun 2013



**Profesor Dr. Shamsuddin Bin Baharin**  
Penolong Naib Canselor  
Pusat Pembangunan Korporat &  
Pengurusan Kualiti  
26 Julai 2010 hingga 25 Julai 2012



**Profesor Dr. Mashitah Binti Mohd Yusoff**  
Dekan  
Fakulti Sains & Teknologi Industri  
1 Mei 2010 hingga 30 April 2012



**Profesor Madya Dr. Jasni Binti Mohamad Zain**  
Dekan  
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan  
Perisian  
1 Mei 2010 hingga 30 April 2012



**Profesor Madya Zulkafli Bin Hassan**  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber  
Asli  
21 Julai 2010 hingga 20 Julai 2012



**Profesor Ir. Dr. Ideris Bin Zakaria**  
Dekan  
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber  
Alam  
1 Ogos 2010 hingga 31 Julai 2012



**Jasni Bin Ladin**  
Ketua Pusat Sukan  
17 Mei 2010 hingga 16 Mei 2012



**See Phen Chiak**  
Timbalan Pengarah  
Pusat Hubungan Universiti Industri  
15 Mei 2010 hingga 14 Mei 2011



**Ahmad Nor Kasruddin Bin Nasir**  
Timbalan Dekan  
(Akademik & Hal Ehwal Pelajar)  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik  
1 Jun 2010 hingga 30 Mei 2012



**Dr. Kamarul Hawari Bin Ghazali**  
Timbalan Dekan  
(Penyelidikan & Pengajian Siswazah)  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik  
1 Jun 2010 hingga 30 Mei 2012



**Profesor Madya Ir. Adnan Bin Zulkiple**  
Timbalan Dekan  
(Akademik & Hal Ehwal Pelajar)  
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam  
1 Ogos 2010 hingga 31 Julai 2012



**Dr. Zularisam Bin Ab Wahid**  
Timbalan Dekan  
(Penyelidikan & Pengajian Siswazah)  
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam  
1 Ogos 2010 hingga 31 Julai 2012



**Profesor Madya Dr. Mohd Fadzil Bin Mohd Idris**  
Pengetua  
Kolej Kediaman Pelajar 2  
16 Jun 2010 hingga 15 Jun 2012



**Dr. Syed Mohd Saufi Bin Tuan Chik**  
Pemangku Timbalan Dekan  
(Penyelidikan & Pengajian Siswazah)  
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli  
1 Julai 2010 hingga 31 Disember 2010



**Izan Izwan Bin Misnon**  
Pemangku Timbalan Dekan  
(Penyelidikan & Pengajian Siswazah)  
Fakulti Sains & Teknologi Industri  
1 Julai 2010 hingga dimaklum kelak



**Jamil Bin Basri**  
Pemangku Pengarah  
Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan  
Profesional  
1 Ogos 2010 hingga dimaklum kelak

**ENVIRONMENTAL ENGINEERING**

Anwar Ahmad & Zularisam Ab Wahid  
 978-967-5080-86-9  
 220 pages  
 RM 40.00

This book evolved from a need to share with undergraduate students and professional methods and models for understanding dynamic environmental problems. When we first undertook the challenge of educating students in these matters, we were faced with various textbooks-none of which satisfied our objectives. The module in the general environmental engineering field provides useful background materials for students, but did not allow them to explore environmental problems through microcomputers and modelling application. Module in the environmental engineering, however, tended to be design for graduate student syllabus,

often focusing on environmental engineering (eg. Wastewater treatment & disposal, Water pollution, Solid waste management and Air pollution). The emphasis of these modules was on course based; hence, the environmental pollution, global warming, wastewater treatment technology, wastes disposal techniques depth was too great and the environmental engineering subjects matter too narrow for our broad educational goals and expectation.

Thus, we had set forth to develop an Environmental Engineering module text to had at least three objectives. First, the module needed to discuss some of the broad concepts of introduction to Environmental problems concept. Second, the module needed to describe the problem related theory, like water-air pollution estimation, sources, quality standards, treatment, disposals, and management.



**PROCEEDING: INTERNATIONAL CONFERENCE ON HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT**

Normah Othman, Ahmad Othman, Abdullah Ibrahim & Mohd Ridzuan Nordin  
 978-967-5080-91-3  
 667 pages  
 RM 147.00


were written and presented in three different languages: English Language, Malay Language and Arabic Language. All these papers were already published in a proceeding in the form of CD and were distributed during the conference. The papers that were written in the English Language only are chosen to be published in this book. It is hoped that the papers published in this book would be beneficial for academicians and students to refer to, especially if they are interested in gaining more knowledge about human capital development.


There are two sections in this book. The theme of the first section is "National Perspectives" and the second section is "Organisational Perspectives". There are three sub-themes under the first section and another three sub-themes under the second section. The sub-themes for the first section are: "Human Capital Development for Economic and Development Growth", "Implementations of Human Capital Development Initiatives", and "Creative Perspectives in Human Capital Development". The sub-themes for the second section are: "Managing Human Capital in Organisation", "Human Capital Development in Education and Training", "Recruitment, Job Satisfaction and Performance". The editors of this book were the reviewers for all the papers received for the conference. They are from different fields of specialisation.

This book is a compilation of papers that were presented during the International Conference on Human Capital Development 2009 (ICONHCD2009), held on the 25th to 27th May 2009 at the Swiss Garden Resort and Spa, Kuantan Pahang, and organised by the Centre for Modern Languages & Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang. The theme of the conference was "Enhancing Human Capital Development through Different Roles and Perspectives".

The conference was attended by experts and professionals from various backgrounds, such as consultants, academicians, businessman, school teachers, human resource managers, chief executive officers, medical doctors, engineers, and post-graduate students. These experts and professionals presented papers about human capital development in their own perspectives and areas of specialisation. Hence was the reason why the conference secretariat received papers of various themes.

The papers received for the conference





### PERKAUMAN & KEAGAMAAN DALAM ISLAM

Asar Abdul Karim  
978-967-5080-87-6  
197 muka surat  
RM 35.00

Penulis di dalam buku ini menumpukan perbincangan tentang isu perkauman dan keagamaan dengan membincangkan tentang kaum minoriti bukan Islam yang hidup dalam masyarakat Islam. Persoalan ini adalah masih tidak jelas di negara Malaysia, termasuklah dalam sesetengah gerakan yang dikaitkan dengan agama Islam. Adakah seruan kepada Islam dan undang-undangnya akan menzalimi mereka yang bukan Islam? Maka perbincangan buku ini adalah merupakan perbincangan yang patut direnungi oleh umat Islam dan mereka yang bukan Islam kerana ia adalah perbincangan yang berdasarkan ajaran Islam

yang disokong oleh dalil-dalil sahih dan fakta-fakta sejarah mahupun keadaan semasa. Persoalan yang perlu ditekankan dalam realiti kehidupan adalah aspek amalan atau praktikal yang dilakukan, bukannya hanya melalui perlembagaan atau dasar semata-mata.

Penulis berharap agar buku ini akan membuka minda dan hati para pembaca yang ikhlas mencari kebenaran; ia juga diharap dapat memenuhi hati kita dengan perasaan persaudaran Islam atau kemanusiaan anugerah Allah SWT Yang Maha Esa. Seterusnya, buku ini diharap dapat menggerakkan suatu tindakan yang tepat dan positif untuk kebaikan manusia sejagat dalam kehidupan dunia sementara ini. Sesungguhnya taufiq hidayah adalah milik Tuhan Yang Maha Mengetahui lagi Maha Mendengar - *amin ya Rabbal 'alamin*.

### HANDBOOK FOR ESTABLISHING ELECTRONIC SYSTEM IN ORGANIZATION


Wan Maseri Wan Mohd, Ahmed N. Abdalla, Ahmad Othman, Liu Yao & Ramdan Razali  
978-967-5080-69-2  
112 pages  
RM 45.00

Nowadays, there are numbers of theories about IT project management. But how to practically establish electronic system within organizations remains one of the hardest issues largely because of the complexity of an IT project and the peculiarity of an organization. Thus, the main goal of this book is to provide some strategic and practical approaches to implement successful enterprise-wide IT project which is identified here as management.

We would like to emphasize our books based on operational reality. So, whether you are in universities or companies, there must exist some common points for you to catch. Furthermore, instead of employing the very scholastic language style, we would like to present it more like one easy-going

friend just beside your hand. Thus, you can fully enjoy your reading journey with much less difficulties.

The book is organized in a simple manner, containing only four chapters and several extra readings. Chapter 1 introduces the definition of E-management, so as to establish a general blueprint of how e-management shall be, that is, integral, automatic, intelligent, paperless and dynamic, etc. in chapter 2, the scheme of e-management design is followed, with design strategies on database, application and infrastructure respectively. Then chapter 3 demonstrates how to implement e-management in practise. Part 1 refers to e-management development and deployment strategy, change strategy and user management strategy, while Part II focuses around culture strategy in the process of e-management. Finally, chapter 4 as a summary, highlights the training and education awareness with some program examples provided. In the end, some extra readings are presented for readers who are interested the subject.



# Fahami sejarah memupuk perpaduan kaum

Oleh: HASNAH HUSSINI

Umum telah menyedari bahawa hubungan kaum di negara ini telah lama terjalin sejak sebelum merdeka lagi. Sejarah sebenarnya telah membentuk hubungan kaum dari dulu sehinggalah sekarang. Hubungan kaum yang telah terjalin sesungguhnya telah berkembang mengikut masa dan perubahan zaman. Dalam hal ini, hubungan kaum di negara ini juga telah mengalami pasang surutnya, justeru, kita perlu berwaspada dengan perumpamaan yang berbunyi "air yang tenang jangan disangka tidak ada buaya". Sama ada kita sedar atau tidak "SEJARAH" sebenarnya mempunyai peranan yang amat besar dalam memupuk perpaduan kaum di negara ini.

Tidak dinafikan lagi pengenalan subjek di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti Hubungan Etnik adalah untuk memupuk dan mengukuhkan lagi hubungan kaum di negara ini. Usaha murni ini seharusnya disambut oleh semua pihak sama ada pendidik dan anak didik di Malaysia. Tetapi di samping subjek Hubungan Etnik, subjek Sejarah dan "Kenegaraan Malaysia" tidak harus dipisahkan dari sistem pendidikan pada hari ini. Kita tidak boleh melihat dengan sebelah mata mengatakan pendidikan sejarah atau Kenegaraan Malaysia sudah dipelajari di sekolah rendah dan menengah, jadi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) subjek tersebut sudah tidak diperlukan lagi. Kita perlu melihat kes ini dari sudut atau jangka masa yang panjang. Subjek-subjek seperti ini terutamanya sejarah memerlukan pengukuhan dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, subjek sejarah negara perlu diintegrasikan ke dalam subjek seperti Kenegaraan Malaysia bagi memastikan generasi muda seperti mahasiswa sentiasa alert dengan sejarah asal usul negara dan bangsa mereka.

IPT pada masa kini perlu berperanan menerapkan pendidikan sejarah pada setiap peringkat pendidikan agar modal insan yang dilahirkan nanti adalah generasi yang bukan sahaja mewarisi tampuk pemerintahan negara tetapi juga melahirkan modal insan yang tahu bagaimana mengemudi negara yang beridentitikan Malaysia dan berbudayakan rakyat negara ini. Jadi bagaimana pendidikan sejarah

negara berperanan memupuk perpaduan kaum di Malaysia? Sekadar ingin bertanya sebagai rakyat Malaysia sejauhmanakah kita mengetahui mengenai sejarah latar belakang negara kita?. Adakah kita memahami perjuangan nenek moyang kita yang terdahulu ataupun kita melihatnya hanya sebagai kisah sejarah yang tidak ada apa-apa makna. Apa yang ditakuti pada masa ini adalah ramai di kalangan generasi pada hari ini tidak menyukai subjek sejarah. Lalu bagaimana kita hendak mendidik sejarah pembentukan negara ini kepada generasi moden kini? Sedangkan mereka perlu tahu semua ini. Inilah antara cabaran yang perlu kita selesaikan iaitu hendak mendidik jiwa generasi Malaysia kini agar memahami sejarah negara dan sekaligus mengetahui asal-usul mereka agar tidak timbul perselisihan kaum pada suatu hari nanti.

Pengetahuan mengenai sejarah asal-usul setiap bangsa adalah penting agar mereka mengetahui siapa diri mereka dan apakah peranan mereka dalam negara ini. Tidak adanya pengetahuan seperti ini akan menimbulkan keraguan dan sikap berprasangka antara kaum. Justeru, pendidikan Sejarah perlu dimartabatkan seperti juga subjek bahasa Inggeris yang sangat penting pada masa ini. Jika bahasa Inggeris akan memudahkan komunikasi antarabangsa generasi masa kini tetapi subjek sejarah akan memudahkan usaha perpaduan kaum di negara ini. Percayalah.

Setiap warganegara Malaysia tidak kira keturunan, faktor usia, ataupun apa jua profesion dan tingkat pendidikan seseorang, mereka perlu mengetahui sejarah latar belakang pembentukan negara. Ini kerana peristiwa sejarah yang telah berlaku sebenarnya banyak menyimpan pengajaran yang boleh dijadikan iktibar kepada generasi masa kini agar tidak mengulangi kesilapan yang telah dilakukan sebelum ini. Banyak peristiwa sejarah negara sejak zaman kesultanan Melayu Melaka, zaman penjajahan sehinggalah ke perjuangan menuntut kemerdekaan serta peristiwa penubuhan Malaysia ada kisah dan pengajaran yang tersendiri. Antaranya ialah konsep kerjasama dalam mengukuhkan kedudukan bangsa. Dalam sejarah



**Pengetahuan dan pendidikan sejarah akan membentuk generasi negara ini yang mempunyai jati diri sebagai rakyat Malaysia yang taat kepada agama, bangsa dan negaranya. Sejarah sebenarnya berupaya membentuk jiwa dan pemikiran rakyat yang sayangkan negaranya...**

perjuangan bangsa, Sultan, pembesar negeri, pemimpin pertubuhan dan rakyat jelata semuanya berganding bahu membebaskan tanah air dari penjajahan.

Generasi masa kini sepatutnya menghayati dan menghargai pengorbanan yang telah dilakukan oleh beberapa tokoh terkenal seperti Datuk Bahaman (Pahang), Abdul Rahman Limbong (Terengganu), Tok Janggut (Kelantan), Mat Kilau (Pahang), Dato' Maharaja Lela (Perak), Mat Salleh (Sabah), manakala perjuangan oleh golongan yang berpendidikan tinggi seperti Ibrahim Yaakub, Ahmad Boestamam, Za'ba dan sebagainya perlu dipelajari oleh generasi masa kini akan corak perjuangan mereka dalam membebaskan tanah air dari penjajahan dan pada masa yang sama berjuang memajukan bangsa sendiri. Bukan itu sahaja, akhbar dan majalah juga menjadi medan untuk menyebarkan semangat patriotik kepada rakyat jelata. Ini dapat dilihat pada peranan yang dimainkan oleh akhbar *Warta Malaya*, *Majlis*, *Majalah Guru*, *Saudara* dan beberapa akhbar dan majalah yang tidak dapat disebutkan di sini.

Peristiwa penjajahan di Tanah Melayu pula memberi pengajaran agar kita tidak mengulangi kesilapan masa lampau. Salah satu kelemahan negara ini dijajah pada waktu itu adalah disebabkan oleh kelemahan bangsa negara ini sendiri iaitu lemah dari segi minda, berpendidikan rendah, perpecahan antara kaum dan

bangsa serta kelemahan dari segi politik dan ekonomi. Generasi masa kini perlu mempelajari kebijaksanaan pemimpin terdahulu menggunakan minda untuk memerdekakan negara dari penjajah. Ini menunjukkan betapa pentingnya rakyat zaman dahulu menggunakan akal fikiran untuk menawan hati penjajah demi membebaskan tanah air yang tercinta.

Selain itu, peristiwa proses kemerdekaan tanah air juga memperlihatkan rakyat zaman dahulu memperjuangkan pembinaan sebuah negara bangsa melalui usaha menyatupadukan kaum. Contohnya, Dato' Onn yang telah menggembelngkan usaha mengumpul semua bangsa dan agama yang ada di Tanah Melayu untuk berjuang menentang *Malayan Union*. Malahan usaha ini telah disambung oleh Tunku Abdul Rahman dalam usaha untuk memerdekakan Tanah Melayu dengan cara mengadakan rundingan dengan pihak *British* dan *Komunis*. Justeru, generasi masa kini tidak kira apa profesion sama ada golongan profesional atau tidak profesional semuanya ada peranan masing-masing. Siapa kata golongan profesional seperti jurutera misalnya tidak ada kaitan mempelajari sejarah negara dengan profesion mereka? Sebenarnya jurutera mempunyai tempat dalam sejarah negara sejak dulu lagi. Lihat saja kepada pembangunan negara dari segi infrastrukturnya dari dulu sehingga sekarang. Siapakah yang telah membina dan mereka cipta landskap bangunan-bangunan

di negara ini kalau bukan jurutera. Seseorang jurutera yang mempunyai semangat patriotik dan tahu tanggungjawabnya kepada negara akan membina infrastruktur dan bangunan-bangunan yang akan menjadi kebanggaan negara dan pada masa yang sama memberi faedah kepada pembangunan bangsa dan negara dan bukannya mencipta sesuatu yang boleh merosakkan dan meruntuhkan negara.

Sejarah mengenai pembentukan *Perlembagaan* juga perlu dipelajari dengan lebih mendalam. Sebagaimana yang telah diketahui umum *Malaysia* adalah negara *Islam*. Agama rasmi negara ini adalah agama *Islam*. *Perlembagaan Malaysia* memperuntukkan bahawa *Islam* adalah agama rasmi tetapi agama-agama lain juga boleh diamalkan dengan aman asalkan ia tidak mengganggu ketenteraman awam. Perkara ini sememangnya sudah jelas dan tidak perlu dipersoalkan lagi. Walau bagaimanapun, masih ada di antara masyarakat negara ini yang masih tidak faham mengenai *Islam* walaupun mereka telah lama tinggal sebagai rakyat negara ini. Sikap tidak mahu mengambil pusing tentang apa yang berlaku di dalam negara juga perlu dihapuskan daripada rakyat negara ini. Dalam hal ini, setiap individu yang mengaku mereka adalah rakyat *Malaysia* perlu memahami apakah ciri-ciri sebuah negara *Islam* dan apakah perkara yang terkandung di dalamnya. Perkara ini perlu jelas agar tidak ada lagi individu-individu yang menaruh syak

wasangka terhadap *Islam* dan ini secara tidak langsung akan memupuk sikap baik-baik dan bekerjasama antara mereka. Bila kerjasama terbentuk akan mudahlah konsep 1 *Malaysia* diterjemahkan.

Pengetahuan dan pendidikan sejarah akan membentuk generasi negara ini yang mempunyai jati diri sebagai rakyat *Malaysia* yang taat kepada agama, bangsa dan negaranya. Sejarah sebenarnya berupaya membentuk jiwa dan pemikiran rakyat yang sayangkan negaranya, walau di mana ia berada dan ini sangat sesuai dengan negara *Malaysia* yang terdiri dari pelbagai agama dan bangsa. Harus disedari bahawa dewasa ini bukan mudah untuk mendidik jiwa terutamanya generasi muda untuk taat setia kepada negara disebabkan arus globalisasi yang melanda bila-bila masa sahaja mereka boleh berpaling tadah. Lihat sahajalah muda-mudi pada hari ini yang begitu mudah terpengaruh dengan budaya asing dan mengagungkan budaya tersebut. Justeru, dengan adanya pendidikan sejarah sebenarnya ia akan menanamkan sikap bangga diri untuk menjadi rakyat negara ini yang mempunyai sejarahnya yang unik. Apa yang paling penting adalah sejarah membentuk individu untuk bekerjasama tanpa mengira bangsa dan agama dan rela berkorban mempertahankan negara, agama dan bangsanya.

*Penulis adalah Pensyarah Kanan di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, UMP.*

# Apa perlu anda tahu mengenai bahan atas talian

Cabaran perpustakaan masa kini adalah banyaknya lambakan bahan secara atas talian yang membolehkan pengguna tidak perlu ke perpustakaan. Namun begitu, masih ramai di kalangan pengguna tidak tahu atau jarang menggunakan bahan atas talian yang dilanggan oleh Perpustakaan UMP. Sesetengah bahan atas talian menggunakan koleksi sedia ada yang ditukar kepada format elektronik bagi memudahkan pengguna mengakses mengikut kelapangan mereka.

## Bagaimana saya ingin mengakses bahan atas talian UMP?

Lawati iportal iaitu <http://portal.ump.edu.my>, klik EZproxy dan paparan akan minta anda login. Username (Nombor ID) dan password (nombor kad pengenalan/nombor pasport). Apabila berjaya login, terapar semua bahan atas talian yang dilanggan.



## Paparan selepas login EZproxy

### Adakah perpustakaan mengadakan kelas pangkalan data?

Ada. Pengguna boleh merujuk kepada jadual kelas kemahiran maklumat di Unit Rujukan. Kelas juga boleh diadakan secara kumpulan jika diminta oleh pengguna. Sekiranya pengguna memerlukan kaedah pencarian secara spesifik menggunakan pangkalan data tertentu, sila hubungi Unit Rujukan secara terus bagi mengaturkan jadual kelas dengan pihak luar.

### Jika saya gagal login, siapa yang perlu saya hubungi?

Hanya yang berdaftar dengan Perpustakaan UMP sahaja yang boleh login dan sekiranya tidak mendaftar, rujuk ke Kaunter Sirkulasi untuk proses pendaftaran.

Jika gagal login, sila hubungi Kaunter Rujukan di talian 09-549 3146 untuk mendapatkan maklumat terkini. Mungkin terdapat masalah teknikal.

## Apakah bahan yang boleh diperoleh atas

### talian?

Setelah login senarai bahan berikut akan dipapar dan pengguna boleh memilih bahan yang sesuai sama ada *databases, e-Journals, e-Books, e-Newspapers, e-Article, Exam Paper* dan *On Trial*.

*On trial* merujuk kepada pangkalan data atau bahan atas talian dalam tempoh percubaan (terhad kepada jangka masa). Ia tidak boleh diakses selepas tamat tempoh. *On trial* ini penting untuk dirujuk oleh pengguna bagi mengenal pasti keperluan mereka kelak. Ini juga membantu pihak perpustakaan melihat dan menilai keperluan sama ada bahan tersebut sesuai dilanggan atau sebaliknya.

Selain itu, pengguna juga boleh melihat Projek Sarjana Muda (PSM) dan tesis melalui *Institutional Repository* (IR) di mana membenarkan melihat 24 muka surat. Cara akses IR adalah <http://umpir.ump.edu.my>. Pengguna tidak perlu *login* untuk melihat semua bahan yang terdapat di IR.

## Apakah yang terdapat dalam pangkalan data (databases)?


Pangkalan data mengandungi artikel dari jurnal, kertas persidangan atau artikel buku. Sesetengah pangkalan data menghimpunkan artikel jurnal dan sesetengahnya artikel mengikut subjek. Ini memudahkan pengguna membuat pencarian. Contohnya, seperti *Ebscohost* mengandungi indeks dan abstraks lebih dari 100 jurnal akademik bermula tahun 1965.

Manakala pangkalan data *Scopus* adalah pangkalan data *citation* dan abstrak di mana lebih fokus kepada bidang saintifik, teknikal, perubatan dan sains sosial dan hanya dapat teks penuh sekiranya dilanggan oleh Perpustakaan UMP.

Pangkalan data *ScienceDirect* pula mengandungi teks penuh bagi artikel jurnal dan bab buku lebih dari 9.5 juta artikel/bab.



ASCE untuk Fakulti Kejuruteraan Awam



Paparan pencarian SCOPUS

## Jika berada di rumah bolehkah saya mengakses bahan atas talian ini?

Boleh kecuali bagi dua pangkalan data *e-Books (Engnetbase dan Ebrary)* yang hanya boleh diakses di dalam kampus sahaja. Cara yang sama sebagai mana login *EZproxy* untuk akses pangkalan data lain sekalipun anda berada di luar negara.

## Sesetengah pangkalan data memerlukan kita mendaftar, apakah faedah kepada pengguna apabila mendaftar?

Apabila mendaftar, sistem akan menghantar maklumat kepada anda mengikut apa yang diperlukan contohnya bidang perkara yang berkaitan subjek yang kita perlukan.

Dapat melihat rekod bahan yang pernah dirujuk sebelum itu.

Sesetengah pangkalan data akan emel maklumat atau info terkini kepada pengguna berdaftar mengikut subjek yang dipilih.

## Kenapa kadangkala kita tidak dapat teks penuh sesetengah artikel di dalam pangkalan data, sedangkan pangkalan data dilanggan oleh UMP?

Walaupun perpustakaan melanggan sesuatu pangkalan data, tetapi tidak semua tajuk atau subjek kita langgan dalam pangkalan data tersebut. Perpustakaan UMP hanya melanggan mengikut bidang perkara yang terdapat di UMP sahaja.

## Jika saya memerlukan artikel berkenaan tetapi tidak dilanggan oleh UMP, apa saya perlu buat?

Dapatkan butiran lanjut bahan tersebut iaitu tajuk artikel, tajuk jurnal dan isu serta tahun. Dapatkan borang Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP) dengan Pustakawan bertugas di Meja Penasihat Pembaca di tingkat atas perpustakaan atau berjumpa dengan pustakawan rujukan. Mereka akan memproses permohonan anda dengan mendapatkan artikel dari universiti lain.

## Dalam muat turun bahan atas talian, adakah had tertentu diberikan kepada pengguna?

Sesetengah pangkalan data seperti *e-Books* menghadkan 25 muka surat sahaja. Pengguna juga hanya boleh memuat turun mengikut bab dalam buku sahaja bukan satu naskhah buku.

Pengguna tidak digalakkan memuat turun terlalu banyak artikel dalam masa yang sama dan tidak dibenarkan membuat *robotic downloading*. Sekiranya didapati ini terjadi pihak pangkalan data akan memberhentikan buat sementara waktu akses ke pangkalan data tersebut bagi semua pengguna UMP.





## Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:  
**UNIT PENERBITAN & GRAFIK**  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak  
26300 Gambang  
Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 549 2501  
Faks : 09 549 3199  
e-Mel : [pro@ump.edu.my](mailto:pro@ump.edu.my)